

Bil. 19

**Khamis
30 April 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 16)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998	(Ruangan 16)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru (Sabah) (Pembubaran) 1998.	(Ruangan 34)
Rang Undang-undang Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.	(Ruangan 41)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng
Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting
Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- Yang Berhormat • Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

- Yang Berhormat • Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul-Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.
(Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S.,
S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N.,
A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P.,
S.A.P. (Rompin)

Yang Berhormat	Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
“	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Srt Aman)
“	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
“	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
“	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
“	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
“	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
“	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- Yang Berhormat • Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

-
- Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,
P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN


- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hassan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30 April 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**JALAN RAYA DI INDIA - SYARIKAT TEMPAT
TERLIBAT DALAM PEMBINAAN**

1. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan nama-nama syarikat tempatan yang terlibat dengan pembinaan jalan raya di negara India dan adakah mereka diberi sebarang hak konsesi dalam kutipan tol jalan raya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sejumlah empat buah syarikat sedang menjalankan projek lebuh raya di negara India yang melibatkan usaha sama syarikat-syarikat Malaysia, syarikat-syarikat tersebut ialah:

- (i) BSC-RBM-Pati Usaha sama untuk membina Jalan NH2 dari Barwa Adda ke Barakar dengan harga RM100 juta;
- (ii) Bina Puri -Madhukoc Usaha sama. Projek untuk membina Jalan NH5 dari Vijayawada ke Eluru di negeri Andra Pradesh dengan harga RM150 juta;
- (iii) IJM-SCL Usaha sama. Projek untuk membina Lebuhraya Mumbai Pune, Bahagian A, iaitu Kon Ke Chowk dengan harga RM150 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat tiga lawatan ke negara India untuk membincang berkenaan dengan projek jalan raya atau lebuh raya di India. Dalam lawatan tersebut Malaysia dan India bersetuju enam projek lebuh raya akan diserahkan kepada Kerajaan Malaysia oleh Kerajaan India di mana Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia akan mewakili Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan projek ini. Setakat ini 10 syarikat telah bersetuju untuk bergabung dan melaksanakan projek ini dan HSSI Consult bagi pihak mereka telah menyiapkan laporan untuk enam lebuh raya ini. Kertas projek ini telah dihantar kepada Kerajaan India untuk menimbang dalam penghujung bulan Januari dan kita sedang menunggu jawapan daripada mereka.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa kebanyakan syarikat kita mempunyai cukup pengalaman dengan pembinaan jalan raya. Pada masa kegawatan ekonomi usaha-usaha seperti ini memang digalakkan. Soalan saya, selain daripada negara India, adakah negara lain di mana syarikat tempatan mendapat konsesi untuk pembinaan jalan raya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kami tidak ada rekod berkenaan dengan itu. Tetapi Bangladesh telah menghubungi dengan kita meminta jikalau boleh kontraktor-kontraktor dari Malaysia boleh bekerja dengan beberapa projek di Bangladesh. Perkara ini masih dalam pertimbangan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas pembinaan jalan raya di negara India, apakah pendapatan yang dapat dihasilkan oleh mereka yang terlibat dan akan dibawa balik ke negara ini dan adakah setelah kerajaan

baru iaitu VJB yang mengambil alih Kerajaan India akan menjadi apa-apa halangan kepada pelaburan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita berhubung dengan Kerajaan India sahaja, tetapi bukan mana-mana parti. Siapa boleh menjadi parti yang berkuasa untuk memerintah kerajaan. Tetapi kita menulis surat terus kepada Kerajaan India. Jadi, siapa yang menjadi kerajaan pun kita terus bekerjasama dengan mereka untuk mendapat kerja-kerja ini di mana kita boleh juga mendapat beberapa projek.

KEMALANGAN DAN PENYAKIT BERKAIT DENGAN PEKERJAAN - BILANGAN

2. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan semasa kerja dan penyakit yang berkait dengan pekerjaan (occupational diseases) yang dilaporkan dalam tiga tahun yang lepas; dan
- (b) adakah kementerian berpuas hati dengan langkah yang diambil oleh majikan untuk mencegah peningkatan penyakit perusahaan dan kemalangan perusahaan di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) Jumlah kemalangan semasa kerja dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan yang dilaporkan kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam tempoh tiga tahun yang lepas adalah 102,510 orang dalam tahun 1996 dan pada tahun 1997 ialah sebanyak 82,130 orang, iaitu berkurangan lebih kurang 18%.
- (b) Kementerian Sumber Manusia sepanjang masa menekankan kepada majikan-majikan dan juga pekerja-pekerja supaya mereka mengambil langkah-langkah positif yang berterusan untuk mempertingkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Ini adalah sebab sungguhpun kita berpuas hati sedikit sebanyak dengan kekurangan kemalangan berbanding tahun-tahun yang sudah, tetapi berbanding dengan negara-negara maju, kemalangan itu masih berada di tahap yang tinggi. Jadi, dengan cara itu insiden kemalangan industri akan dapat dicegah di samping dapat memperkuatkan lagi usaha kerajaan untuk menanam budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan dan pekerja di negara ini.

Dr. Ramli bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan asal, saya bezakan antara kemalangan dan juga penyakit perusahaan. Saya perhatikan bahawa penyakit perusahaan, bukan kemalangan. Penyakit perusahaan ini adalah under reporting. Kalau kita lihat sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, 102,510 orang pada tahun 1996 dan kita mendapati 82,130 orang pada tahun 1997 maknanya terdapat penurunan. Tetapi saya rasa penyakit perusahaan ini under reporting. Jadi, soalan saya bagaimanakah kementerian dapat memastikan kilang-kilang ini memastikan bahawa prosedur-prosedur yang kerajaan tentukan dapat dipenuhi. Kerana kita lihat banyak penyakit ini tidak direport. Adakah kementerian mempunyai pakar-pakar tertentu untuk memastikan majikan-majikan ini mengikut prosedur-prosedur yang kita tetapkan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan peraturan-peraturan (regulation) dari segi mencegah penyakit kerja

(occupational disease) dan sebagainya, kita biasanya meminta sesuatu industri itu sendiri untuk menentukan regulationnya kerana mereka adalah pakar dalam bidang-bidang tertentu. Jadi, kita banyak juga minta kerjasama dengan sektor-sektor yang berkenaan dalam menentukan regulation. Di samping itu, apabila kita membayar sesuatu ganti rugi misalnya oleh PERKESO, kita dapat pula nasihat ataupun pengesahan dari doktor-doktor tertentu dalam panel PERKESO untuk mengesahkan sama ada suatu penyakit itu ada kaitan dengan occupationnya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesihatan pekerja, terutamanya pekerja asing di mana pekerja asing diwajibkan untuk pemeriksaan kesihatan. Jadi, setakat manakah pemeriksaan kesihatan menjamin bahawa pekerja itu sebenarnya sihat dan tidak ada siji-siji yang ditipu, dan bagaimanakah keadaannya bilangan siji yang dipalsukan dan setakat ini, setakat manakah Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengkaji tentang masalah pekerja, terutama sekali pekerja-pekerja di bawah stress, dengan izin, ataupun di bawah tekanan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja asing, sebelum mereka diberi permit kerja, mereka terpaksa menjalani pemeriksaan doktor dan doktor-doktor itu pula adalah dalam panel yang telah pun ditentukan oleh pihak kerajaan. Jadi, rekod yang jelas ini ada di pihak Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Imigresen dan juga dengan panel doktor-doktor yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim.

[Soalan No. 3 - Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

[Soalan No. 4 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang) tidak hadir]

FOKKER 50 - PUNCA SEBENAR NAHAS

5. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) punca-punca sebenar bagi nahas FOKKER 50 yang berlaku pada 15 September 1995 di Tawau dan apakah sebabnya laporan siasatan mengenainya lewat diumumkan; dan
- (b) setakat ini, apakah pampasan insurans telah dibayar kepada semua mangsa nahas. Jika tidak, berapa lagi yang masih tertunggak dan apakah sebab ianya boleh berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian;

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini satu pengumuman mengenai laporan kemalangan pesawat Fokker 27 Model MK 50 penerbangan Malaysia di Tawau, 15 September 1995 dijangka dibuat tidak lama lagi.
- (b) Setakat ini jumlah pampasan yang telah pun dibiayai oleh Penerbangan Malaysia kepada mangsa nahas adalah sebanyak RM1,339,500. Terdapat sebanyak 24 tuntutan yang masih tertunggak. Di antara sebab-sebab tuntutan tertunggak ialah tuntutan dalam perhatian mahkamah, tidak ada sebab kukuh dan lewat mengemukakan tuntutan.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kegawatan ekonomi negara kita, bilakah Lapangan Terbang Tawau baru ini akan dijangkakan siap?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tawau, sebenarnya pembinaan Lapangan Terbang Tawau yang baru telah mula dibina. Setakat ini kerja-kerja pembinaan telah sampai tahap 8% sahaja, iaitu kerja-kerja tambun tanah. Saya percaya kegawatan ekonomi tidak akan mempunyai kesan mengenai jangka siap ataupun projek Lapangan Terbang Tawau. Kontraktor yang mengendalikan kerja-kerja ini diberikan tempoh masa 30 bulan mulai hujung tahun 1997 untuk menyiapkan lapangan terbang ini.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa ada 24 tuntutan lagi yang belum ditunaikan. Di antara sebab yang disentuh ialah bahawa tuntutan tidak kukuh ataupun kes itu di mahkamah. Bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan seterusnya kenapakah tuntutan itu tidak kukuh memandangkan ini adalah berkaitan dengan mangsa nahas tersebut. Apakah yang menghalang penyelesaian secepat mungkin, kerana keluarga-keluarga tersebut begitu menderita dan menanti keputusan yang secepat mungkin.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya tuntutan ini bukan sahaja dari mangsa-mangsa kemalangan Fokker 50 ini. Tuntutan juga datang dari pelbagai pihak. Memanglah walaupun penerbangan MAS sedia menerima sebarang tuntutan, tetapi tuntutan diadakan bukan dari mangsa harus juga dibuktikan di mahkamah. Oleh yang demikian, maka ada 24 kes lagi yang saya katakan tadi ada setengah masih menunggu keputusan mahkamah ataupun proses mahkamah, yang lain yang agak tidak mempunyai sebarang bukti mungkin tuntutan mereka akan ditolak. Setakat ini saya tidak berani kata berapa dari 24 kes ini akan berjaya mendapat ataupun menuntut. Tetapi Penerbangan Malaysia sedia menunggu sebab Penerbangan Malaysia tidak akan rugi. Segala tuntutan akan dituntut balik oleh Syarikat Penerbangan Malaysia daripada syarikat insurans.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir]

BANK-BANK TEMPATAN CADANGAN PERCANTUMAN

7. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa Bank Negara Malaysia (BNM) mencadangkan percantuman bank-bank tempatan. Sila nyatakan juga apa sebenarnya berlaku ke atas bank-bank tempatan. Sila nyatakan:

- (a) sama ada percantuman yang dicadangkan oleh BNM memberi gambaran kelemahan dalam sistem perbankan; dan
- (b) jika ya, apakah langkah-langkah telah diambil bagi memperbaiki situasi ini.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Percantuman yang dicadangkan oleh Bank Negara dan kerajaan adalah konsisten dengan dasar kita sejak tahun 1980-an lagi. Kita tidak mengambil tindakan menggalakkan percantuman, hanya di kebelakangan ini. Bahkan kalau kita lihat rekod penggabungan, ia berlaku sejak pertengahan tahun 1980-an dan meningkat pada tahun 1990-an. Cuma di kebelakangan ini memandangkan berlakunya kegawatan ekonomi, maka langkah-langkah ini diminta dipesatkan justeru kerana ia akan membantu mengukuhkan lagi sistem kewangan di negara kita.

- (b) Langkah-langkah yang diambil sekarang ialah untuk memastikan bahawa penggabungan dan percantuman ini terus berlaku kerana ia bukan sekadar mengukuhkan, tetapi akan mengurangkan tekanan kepada institusi kewangan yang lebih kecil dan mungkin terdedah kepada tekanan dari kekurangan kecairan (liquidity) dan sebagainya. Cara untuk mengawalinya dan memastikan sistem perbankan terus kukuh ialah menjalankan apa yang kita sebut sebagai ujian ketegangan, dengan izin, stress test, meningkatkan ketelusan dan maklumat yang lebih terkini oleh bank-bank dan juga data-data petunjuk mengenai hutang, kekuatan bank, pengkelasan pinjaman, dan ini selari dengan apa yang disebut sebagai Basle Code di mana ditetapkan peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang harus diterima pakai oleh institusi perbankan dan kewangan negara dan akhirnya menghendaki bank memenuhi keperluan minimum 8% Risk Weighted Capital Ratio (RWCR) pada setiap suku tahun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat akan memberi lebih lanjut lagi kedudukan sebenarnya apa yang dihadapi dengan percantuman pada masa kini. Saya dapati beberapa masalah sedang dihadapi oleh bank-bank semasa perbincangan dalam percantuman ini. Apakah masalah yang patut dilakukan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ia melibatkan dua kumpulan ataupun syarikat swasta. Kita boleh mengusulkan percantuman dari sudut dasar dan memberikan galakan dan penekanan. Tetapi soal harga, soal-soal menjaga kepentingan pemilik asal, kedudukan dan pengaruh mereka setelah bank itu bergabung, soal kedudukan pekerja dan sebagainya, semua itu harus diambil kira. Oleh yang demikian, kadang-kadang perundingan ke arah penggabungan ini mengambil masa yang agak panjang.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar jawapan dari Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak dapatlah saya mengadakan satu gambaran yang sebenar tentang kelemahan ataupun masalah-masalah terhadap beberapa bank di tanah air kita. Bolehkah ataupun apakah sebab yang sebenar dan utama menjadikan kelemahan dalam sistem perbankan di tanah air kita, dan mesti melalui satu cara penggabungan atau percantuman untuk menyelamatkan institusi kewangan ataupun bank-bank yang kurang sihat ataupun sangat lemah itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kelemahan dalam sistem perbankan, yang ada kelemahan ialah dalam sistem pembangkang. *[Ketawa]* Saya sudah jelaskan dalam sistem perbankan yang ada sekarang nyata jauh lebih kukuh dari institusi kewangan di rantau ini. Maknanya, setelah menghadapi kemelut hampir satu tahun kita masih mampu mengendalikan dan mempertahankan kekukuhan semua institusi kewangan. Tetapi bila mana ada masalah-masalah kita kenal pasti, kita maklumkan awal dan kita ambil langkah-langkah yang awal.

Keduanya, tidak benar dikaitkan soal penggabungan ini semata-mata dengan kelemahan, kerana dasar penggabungan ini kita telah ulang sebagai dasar dalam setiap belanjawan tahun demi tahun. Akhir-akhir ini kita tekankan lama sebelum berlaku dan wujudnya kemelut, dan di antara rasionalnya ialah kerana kita menuju ke arah tahap liberalisasi institusi kewangan yang lebih. Untuk menguatkan keupayaan institusi kewangan kita, sebelum berlakunya liberalisasi, bank harus lebih kukuh dan kuat kerana bank dan institusi kewangan kita dahulunya agak terlalu kecil. Bahkan institusi kewangan yang pada mulanya berkembang sebagai syarikat famili pun ada. Ia tidak lagi cukup dan sesuai dengan perkembangan dan arah sistem kewangan yang lebih mantap sekarang ini.

Jadi, saya ingin jelaskan atau ulang kerana Yang Berhormat agak belum yakin bahawa penggabungan itu berlaku lama sebelum ini. Kerana dalam menghadapi

kegawatan sekarang kita harus menyegerakan penggabungan supaya jangan sampai kita terdedah kepada tekanan yang lebih dahsyat daripada sekarang. Kita tentunya akui bahawa penggabungan dalam institusi kewangan itu cukup berjaya bila kita berikan tempoh sebelum akhir Mac dan kita telah umumkan penggabungan yang berlaku dari 36 atau 39 kalau tidak silap saya kepada 9 kumpulan penggabungan yang utama dalam sistem kewangan, terutama syarikat-syarikat kewangan.

Saya kira dengan kejayaan ini ia dapat menyediakan asas yang lebih kukuh kerana bila kita terus liberalise dasar negara dan membolehkan syarikat-syarikat kewangan dan bank asing datang, maka kita akan terdedah kepada kekuatan yang tidak mungkin kita kawal. Lagi pun kita tahu sekarang ini trend syarikat-syarikat institusi kewangan besar di dunia ialah bergabung. Baru-baru ini di Amerika, di Eropah semuanya mengumumkan penggabungan institusi kewangan yang besar dan ini tidak terikat sama ada ada masalah atau tidak.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Amat Berhormat menyatakan adakah penggabungan bank-bank tempatan ini akan mengakibatkan sebahagian besar kakitangan ataupun pegawai-pegawai bank tempatan kehilangan pekerjaan mereka? Kalau ya, apakah bantuan yang dirancang oleh kerajaan untuk membantu mereka?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dalam prinsip yang kita gunakan sekarang ini, kita cuba pertahankan sebanyak boleh pekerja-pekerja yang sedia ada. Tetapi jika didapati sebahagian kecil dari pekerja-pekerja itu difikirkan, tidak lagi dapat dipertahankan, maka kita telah minta supaya diberikan ganjaran yang setimpal dan juga diambil kira masa depan mereka sebelum pembuangan dilakukan. Mengikut pengalaman kita sebelum ini, penggabungan bank besar telah tidak melibatkan pemberhentian pekerja yang ramai. Bahkan dalam pengalaman dalam satu penggabungan sebelum ini dua tahun yang lalu nampaknya hampir tidak ada pemberhentian, melainkan satu jumlah kecil. Tetapi saya jangka jumlah pemberhentian kali ini tentulah lebih bertambah, kerana kalau ada cawangan bank di satu kawasan, kalau di Seputeh ada dua cawangan bank mungkin digabungkan jadi satu. Jadi, ada kemungkinan besar beberapa pekerja itu akan diberhentikan.

FRANCHISE BARANGAN KELUARAN MALAYSIA - KEJAYAAN KEMENTERIAN

8. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kejayaan kementeriannya memfranchise barangan keluaran Malaysia. Juga nyatakan jenis barangannya dan berapa ramai pengusaha yang terlibat.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kangar. Kerajaan telah mula melaksanakan program pembangunan franchise sejak tahun 1992. Program tersebut dilaksanakan dengan tujuan untuk membangunkan usahawan-usahawan tempatan terutamanya usahawan-usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan sebagai franchisee, franchisee induk dan juga sebagai franchisor. Ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan ke arah mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dan golongan kelas menengah bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini Kementerian Pembangunan Usahawan telah berjaya melantik sebanyak 52 buah syarikat tempatan dan dari luar negeri sebagai syarikat franchisor di bawah program di kementerian. Sebanyak 33 buah daripada jumlah tersebut merupakan syarikat-syarikat franchisor tempatan, sementara 19 buah lagi adalah merupakan produk-produk franchise daripada luar negeri.

Dari segi peratusannya, bilangan produk-produk dalam negeri yang telah berjaya difranchise ialah sebanyak 63.5% dari keseluruhan produk-produk franchise di bawah Program Pembangunan Franchise di kementerian ini. Di antara

barangan tempatan yang telah berjaya difranchisekan termasuklah dalam sektor makanan, iaitu Marry Brown, sugar bun dan juga deligiant di bawah servis kereta, iaitu EON, di bawah produk kecantikan - Le' Wangi, barangan kraft, kedai komputer. Di bawah farmasi kita ada Farmasi Deuma dan juga dalam bidang telekomunikasi dan optometri.

Adalah menjadi dasar kementerian pada masa ini untuk membangunkan lebih banyak produk-produk tempatan untuk di'franchise'kan. Ini bertujuan antara lain untuk mengelakkan pengaliran keluar wang negara dalam bentuk yuran, franchise dan juga bayaran royalti kepada syarikat-syarikat franchiser daripada luar negeri.

Bagi tujuan tersebut, kementerian telah menyediakan insentif tertentu kepada syarikat-syarikat tempatan bertujuan menggalakkan syarikat-syarikat berkenaan mem'franchise'kan perniagaan mereka. Insentif tersebut diberikan di bawah skim Bantuan Pembangunan Francais di mana syarikat-syarikat franchiser boleh mendapatkan bantuan kewangan maksimum sehingga RM100,000. Selain itu, syarikat-syarikat franchiser juga boleh mendapat kemudahan kewangan di bawah Skim Pembiayaan Francais.

Kementerian juga sentiasa mengadakan expo-ekspo dan seminar serta kursus-kursus dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFE) di peringkat negeri dan nasional bertujuan menggalakkan lagi usahawan-usahawan tempatan menyertai perniagaan franchise bukan sahaja sebagai franchisee tetapi juga sebagai franchiser.

Adalah diharapkan melalui penyediaan insentif dan aktiviti promosi tersebut, lebih banyak produk-produk tempatan dapat dibangunkan sebagai produk franchise selaras dengan matlamat ke arah mewujudkan 1,200 franchisee di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan bumiputera dalam bidang franchise adalah perkara baru. Jadi, daripada bilangan yang Yang Berhormat sebutkan tadi, berapakah bilangan yang menunjukkan prestasi yang baik dan berapa pula yang kurang baik dari segi peratusnya dan bagi yang kurang baik dan kurang mampu dari segi prestasinya apakah langkah-langkah yang boleh pihak kementerian Yang Berhormat Dato' membantu syarikat bumiputera ini supaya dapat bergerak dengan lebih licin lagi.

Dato' Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan franchise di Malaysia ini masih lagi di peringkat, dengan izin, infancy stage, sebab itulah pengetahuan tentang franchise ini masih lagi tidak begitu meluas di kalangan pengusaha-pengusaha kita. Walaupun kita tahu cara franchise ini merupakan satu cara pemasaran yang paling revolusioner, yang dikatakan oleh John Naisbitt dalam tulisan-tulisannya. Untuk memastikan yang peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan kita menggunakan franchise sebagai satu cara pengeluaran mereka, kursus telah diadakan oleh kementerian dari masa ke semasa, seumpamanya pagi tadi, saya sendiri telah merasmikan satu kursus yang mana hampir 200 orang peniaga-peniaga telah menjadi peserta dalam kursus tersebut dan roadshow, dengan izin, akan diadakan dari masa ke semasa.

Pada 9 Mei ini satu roadshow akan diadakan di Kuching dan pada akhir bulan ini satu roadshow lagi akan diadakan di Kota Kinabalu dan seterusnya ke negeri-negeri yang lain. Dan juga kita mengharapkan supaya PKEN-PKEN di setiap negeri mengeluarkan tiga produk baru pada tahun ini supaya kita dapat memperkembangkan lagi usaha-usaha memperkenalkan franchise ini kepada peniaga-peniaga keseluruhannya.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kementerian kerana menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi usaha untuk mem'franchise'kan barang-barang tempatan ini telah mencapai 63% dari segi kejayaan. Saya ingin menarik perhatian bahawa pada satu masa dahulu, salah satu

daripada barangan yang begitu ghairah untuk di'franchise'kan ialah makanan, misalnya kita pernah berusaha untuk mempopularkan Sate Ria dan Martabak Pak Din melalui perniagaan franchise, malangnya usaha-usaha ini sudah menghadapi kegagalan. Apakah sebab-sebab kegagalan ini dan sama ada kementerian akan berusaha untuk menghidupkan semula idea ini supaya lebih banyak barangan Malaysia terutama sekali makanan dapat dipopularkan di luar negara.

Dato' Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berkenaan dengan franchise Sate Ria ini, ianya telah dibeli oleh satu syarikat gergasi yang besar yang tidak mahu mengembangkan perusahaan tersebut. Pak Din ini tidak mahu ikut sistem, saya sendiri melawat "Martabak Pak Din" dan berjumpa dengan Pak Din sendiri, berbincang tetapi nampaknya dia lebih suka dengan cara lama mereka yang tidak akan mengikut cara-cara dokumentasi dan cara-cara yang harus dilakukan oleh seorang yang ingin mem'franchise'kan produk mereka.

Walau bagaimanapun, untuk memperkenalkan makanan-makanan Malaysia di luar negara, usaha sedang diadakan pada masa kini dengan giatnya, dengan Deli Giant yang telah membuka outletnya di Sunway Pyramid dan insya-Allah, pada akhir tahun ini akan membuka sebanyak 12 lagi outletnya di seluruh negara kita dan juga SEDC Kelantan juga akan mengadakan 'ayam percik'nya mengikut programnya yang seharusnya dapat di'franchise'kan sebelum akhir tahun ini dan banyak lagi outlet lain yang akan dibuka untuk memperkenalkan makanan Malaysia, bukan hanya di dalam negara kita tetapi juga di luar negara.

PERTUBUHAN PELADANG - PENAMBAHAN HASIL PERTANIAN

9. **Tuan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Pertubuhan Peladang untuk membantu menambahkan hasil pertanian khasnya hasil makanan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pertubuhan-pertubuhan Peladang pada amnya terlibat dalam pengeluaran pelbagai jenis hasil pertanian seperti bijiran, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan ternakair secara berskala besar dan pengurusan yang lebih cekap.

Dalam hubungan ini, langkah-langkah yang diambil oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk meningkatkan bekalan makanan negara termasuk antara lain ialah:-

- (i) menanam padi secara berkelompok dan estet dengan pengurusan yang lebih cekap dan berpotensi untuk meningkatkan produktiviti ke tahap komersial;
- (ii) tanaman sayur-sayuran tanah tinggi dan tanah rendah berteknologi tinggi dengan penggunaan rumah pelindung hujan, rumah kalis serangga dan fertigasi mengikut kesesuaian;
- (iii) tanaman buah-buahan terpilih yang berjangka pendek seperti pisang, nanas dan tembikai;
- (iv) tanaman kontan yang berpotensi pasaran seperti jagung, umbisi dan kekacang;
- (v) ternakan ayam pedaging pada saiz 100,000 ekor sepusingan di sesuatu projek;
- (vi) ternakan lembu pedaging secara integrasi di ladang kelapa sawit;

- (vii) ternakan udang harimau dengan mengamalkan teknologi terkini; dan
- (viii) ternakan ikan air tawar ataupun air payau seperti ikan baung, keli, siakap dan jenahak.

Menerusi langkah-langkah yang dinyatakan tadi, Pertubuhan-pertubuhan Peladang telah dapat membantu menambahkan hasil pertanian khususnya bekalan makanan negara.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan dalam masa lima tahun mulai tahun 1998 hingga 2003 Pertubuhan-pertubuhan Peladang pengeluaran bahan-bahan makanan utama akan bertambah dengan pembesaran atau pengluasan kawasan-kawasan tanaman, ternakan dan penambahan kuantiti atau bilangan ternakan dan tanaman.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh manakah hasil pertanian khasnya hasil pertanian makanan telah turun akibat kekurangan hujan dan air baru-baru ini di Semenanjung dan juga di timur Malaysia dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk membantu peladang-peladang supaya penghidupan mereka tidak terjejas apabila hasil ladang mereka turun akibat perubahan cuaca.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan asal adalah berkenaan dengan Pertubuhan Peladang. Tetapi, tidak mengapalah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita dapati keadaan kekurangan hujan yang berlaku di seluruh Malaysia akan menjejaskan tanaman, terdapat kawasan-kawasan seperti durian dan juga buah-buahan lain seperti mempelam - berbuah, tetapi buahnya buruk dan juga bunganya jatuh, dengan sebab itulah hasilnya akan berkurangan.

Jadi, dalam perkara ini pihak kementerian hanya akan dapat melihat dari segi untuk membantu mereka dalam pembukaan kawasan di tempat yang berdekatan. Selain dari itu, perusahaan ternakan juga akan diberi perhatian walaupun Pertubuhan Peladang tidak akan terlibat, hanya dari segi di kawasan dalam negeri Kedah dan juga di kawasan lain seperti di Seberang Perai di mana bekalan air adalah terhad dan dengan itu seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan, kita sedang mengkaji perkara ini yang mengatakan seluas 10,000 ekar kawasan tanaman sedang menghadapi masalah bekalan air, tetapi itu adalah di kawasan yang tinggi tetapi di kawasan yang rendah dapat dibekalkan dengan air.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kita melihat Pertubuhan Peladang sebahagian besarnya masih lagi rendah aktiviti pertanian mereka ini disebabkan kerana tidak dapat pinjaman dari tabung pemakanan di bawah 3F. Jadi, saya ingin tahu adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman ini kepada pertubuhan-pertubuhan peladang untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil pertanian mereka.

Dan juga adakah lain-lain jenis tanaman atau ternakan yang dibolehkan di bawah pinjaman Tabung Pemakanan ini seperti tanaman limau madu misal contohnya ataupun dokong selain daripada yang disenaraikan di bawah Tabung 3F. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kalaulah ada pihak-pihak yang menghadapi masalah pinjaman, saya ingat perkara ini bolehlah dirujuk kepada kementerian dan pihak kementerian akan berbincang dengan Bank Negara untuk melepaskan pinjaman tersebut.

Jadi, dalam hal ini saya ingat perkara ini telah dibincangkan beberapa kali dan kita akan selesaikan kemudian apabila perbincangan dibuat dengan pihak Bank Negara. Dalam hal tanaman limau ataupun dokong, apa yang diperlukan oleh pihak Bank Negara ialah kita hendakkan produk itu yang berkaitan dengan makanan dan

dalam hal ini saya percaya dokong dan juga limau madu adalah termasuk dalam bidang pemakanan dan saya percaya pihak bank-bank akan memberi perhatian dalam perkara ini.

GENERASI CELIK DAN MAHIR KOMPUTER - PENYALAHGUNAAN

10. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha melahirkan generasi celik dan mahir komputer bermula dari peringkat sekolah rendah serta program bersepadu membanteras penyalahgunaan komputer dan Internet seperti pemaparan gambar lucu yang melimpah ruah secara percuma dan sebarang dakyah bertujuan mengelirukan umat Islam di ruangan siber tanpa sekatan di Malaysia sedangkan sebaran berkenaan boleh diharamkan di 30 buah negara lain.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Kementerian Pendidikan yang telah dan sedang dijalankan dalam melahirkan generasi celik dan mahir komputer merangkumi:-

- (i) Projek Pengajaran Pembelajaran Berbantu Komputer (PPBK) di 222 buah sekolah rendah yang dimulakan sejak tahun 1994;
- (ii) Program Komputer Dalam Pendidikan (KDP) di 150 buah sekolah menengah;
- (iii) Program Mata Pelajaran Reka Cipta Menggunakan perisian dengan izin, Computer Added Design (CAD) di 128 buah sekolah menengah pada tahun 1996-1997;
- (iv) mata pelajaran perkomputeran diperkenalkan bagi murid-murid tingkatan 6 di 14 sekolah perintis pada tahun 1997;
- (v) projek Jaringan Pendidikan yang melibatkan Internet ataupun dikaitkan dengan Internet di 50 buah sekolah menengah;
- (vi) projek Pusat Sumber Elektronik (PSE)/Rangkaian Munsyi dengan kerjasama Telekom di 14 buah sekolah pada tahun 1995/1996; dan
- (vii) projek Sekolah Bestari yang melibatkan 90 buah sekolah yang akan dilaksanakan pada tahun 1999.

Bagi mengawal penyalahgunaan komputer dan Internet, guru-guru telah ditekankan tentang nilai-nilai murni dan etika penggunaan Internet di dalam setiap kursus dan taklimat. Kesedaran tentang kebaikan dan keburukan penggunaan Internet juga diperjelaskan kepada guru-guru yang terlibat. Guru-guru ini dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia penggunaan komputer serta menanam nilai-nilai murni ke dalam diri murid-murid.

Langkah-langkah ini diharap dapat melahirkan murid-murid yang celik komputer dan mempunyai jati diri dalam menghadapi limpahan maklumat yang boleh dicapai atau diperolehi dari Internet.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berkata 'the vice and virtues of Internet' ini dan kebaikan dan keburukannya memang tetap akan wujud di dalam negara kita. Dan cara mengatasinya tidak lain melainkan pembinaan moral dan akhlak di antara murid-murid di sekolah. Pada masa sekarang, ada segelintir mengatakan pengajian agama umpamanya yang dihaskan untuk murid-murid Islam tidak mendatangkan kesan yang diharapkan oleh kerana pengajaran agama di sekolah adalah menunjukkan secara ritual dan bukan secara pengajaran macam dahulu kalau

kita pergi melihat orang kalau kita bercakap bohong, lidah dipotong umpamanya, ini tidak diajarkan di sekolah. Jadi, dengan sendirinya kebaikan dan hikmah dalam pengajaran Islam itu tidak didapati dan dipelajari oleh murid-murid.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian untuk mengatasi masalah Internet ini apakah kementerian bercadang untuk melihat semula program-program pengajaran agama Islam dan pengajaran program-program pelajaran moral di sekolah untuk mengatasi soalan-soalan Internet dan yang lain. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mengatakan pengajaran agama yang dikelolakan sekolah-sekolah kita dan digerakkan melalui Jabatan Pembangunan Islam dan Pembangunan Moral tidak berkesan, saya fikir kurang tepat. Namun demikian, saya suka menegaskan bahawa dari segi Jabatan Pembangunan Islam dan Pembangunan Moral kita sentiasa meneliti akan keberkesanan penyaluran ilmu dan pengetahuan kepada murid-murid dan pelajar-pelajar kita dan soal ini sentiasa diberikan penelitian dan diambil tindakan untuk memperbaiki apa juga kelemahan yang ada dari masa ke semasa dan setakat ini saya berani mengatakan bahawa apa yang perlu kita pertingkatkan ialah kaedah atau cara-cara penyaluran ilmu dan pengetahuan itu mesti diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, bolehkah seorang tidur dalam Dewan ini? Kerana Yang Berhormat Menteri tidur dalam Dewan ini, tidur sampai mulutnya terbuka besar-besar! *[Ketawa]* Saya takut nanti lalat masuk ke mulutnya dan bolehkah saya dapat satu ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, kerana saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun senyum sekarang.

Bolehkah seorang Menteri tidur macam ini? Saya pun

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Ha, sekarang baru bangun. Tuan Yang di-Pertua, sekarang dia baru bangun. Bolehkah saya dapat ruling.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa ini bukan soalan tambahan! *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya hendak buat *[Pembesar suara dimatikan]* ruling daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada seorang Menteri boleh tidur sampai

Seorang Ahli: Buka mulut!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang baru bangun.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Menteri,

Tuan Lim Guan Eng: Saya beri penjelasan.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Penjelasan!

Tuan Lim Guan Eng: Beri, beri!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri, nanti dahulu Yang Berhormat! Nanti dahulu, sepatutnya dalam sesi Soal Jawab tidak ada penjelasan yang dikehendaki, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Dan lagi pun Yang Berhormat nanti

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan! Kalau macam ini dalam *Hansard* potong dia, jangan beri dia masuklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri hendak beri penjelasan?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau masuk dalam *Hansard*, saya mahu beri penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Ha, penjelasan, beri dia penjelasan. Saya rela tidak apa! Saya beri dia penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Serupa bapa dia yang seminggu dahulu macam mana dia tahu saya tidur, saya fikir saya mahu tidur, belum tidur lagi! *[Ketawa]* Selalu sahaja saya ...

Tuan Lim Guan Eng: Mulut buka besar-besar, lalat boleh masuk! *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sini nampak ho! Nampak you tidur.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ini buka mulut sebab nampak saya besar dan banyak orang yang tahu bila saya bercakap jangan dekat, banyak air keluar punya. *[Ketawa]* Dia tahu semua ini jahat punya orang! *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita semua boleh buktikan, Menteri sedang tidur, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh buktikan dia*[Pembesaran suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah!

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, okay, saya akan

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat memang berniat hendak perli Yang Berhormat Menteri. Tetapi Yang Berhormat, saya hendak jelaskan bahawa seseorang biar pun dia pejam mata, tidak semestinya dia tidur! *[Ketawa]*

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ada soalan tambahan, ya, silakan Bachok.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berhubung dengan celik komputer ini, tadi saya dengar ada jawi dan ada tak jawi, saya hendak tanya sudahkah kementerian membuat kajian sejauh mana ada kesannya pelajaran bahasa jawi yang disalurkan melalui TV3 kerana siaran itu diadakan pada pukul 3.30 pagi, berapa jumlah pelajar yang terlibat dan apa kesannya kepada pelajar dan kepada masyarakat berhubung dengan pelajaran jawi. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berjaga sampai pukul 3.00 pagi. Jadi, saya pun tak tahu sama ada apa yang Ahli Yang Berhormat katakan ini betul ataupun tidak, saya tidak tahu. Tinggal lagi dari segi Kementerian Pendidikan, kita melaksanakan ataupun mempraktikkan usaha-usaha

untuk mempertingkatkan lagi kefahaman dan keberkesanan murid-murid dan pelajar-pelajar dari segi pelajaran jawi ini dalam pelbagai cara selain daripada yang diajarkan dalam kelas-kelas biasa. Ada usaha dan ikhtiar lain yang kita buat sama ada melalui jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan yang lain ataupun badan-badan seperti PIBG melalui kelas-kelas dan kursus-kursus yang semuanya bertujuan untuk memastikan anak bangsa kita ini tahu dan faham bukan sahaja dalam penulisan tetapi juga dalam pembacaan dan seterusnya menimba ilmu dan pengetahuan melalui tulisan jawi.

PELABURAN SYARIKAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA - GALAKAN

11. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah pelaburan syarikat Malaysia di luar negeri pada tahun 1996, 1997 dan 1998; dan
- (b) memandangkan banyak pelabur asing di Malaysia telah mengambil kesempatan dalam kegawatan ekonomi memindahkan operasi mereka ke negara lain sehingga pelaburan asing di Malaysia semakin berkurangan, sama ada kerajaan berhasrat menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri melabur di negara sendiri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan bagi tahun 1996 ialah RM11.4 bilion, untuk tahun 1997 - RM9.9 bilion dan walau bagaimanapun, kita jangka akan berkurangan bagi tahun 1998.

Tetapi untuk mengandaikan bahawa pelaburan asing di Malaysia akan berkurangan akibat dari kemelut ekonomi sekarang, saya terima tetapi tidaklah boleh dianggap ianya akan merosot sama sekali berdasarkan angka-angka yang kita perolehi awal tahun ini sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bahkan ada petanda bahawa keyakinan pelabur asing masih ada dan terutama dalam lapangan perkilangan dan jumlah dua bulan pertama 1998 sahaja pun kita telah melihat penambahan berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1997 iaitu RM3.4 bilion terutamanya dari Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan lain-lain negara Eropah.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat. Di samping pelabur-pelabur Malaysia yang melabur di luar negeri juga dipercayai ada sebahagian rakyat Malaysia menyimpan wang mereka yang belum dikenakan cukai di institusi di negara-negara lain. Adakah Kementerian Yang Amat Berhormat akan bercadang supaya mengisytiharkan satu tempoh pengecualian di mana pada tempoh-tempoh tertentu, wang yang dihantar balik ke negara kita dikecualikan pembayaran sebarang cukai?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagai dasar kita memang menggalakkan rakyat Malaysia membawa pulang wang yang disimpan di luar negara. Kita sedang menimbangkan cara-cara memberikan galakan atau insentif lainnya termasuk kemungkinan amnesty, tetapi perkara ini belum kita buat keputusan sekadar memberikan galakan umum sahaja supaya orang-orang yang menyimpan wang di luar negara itu membawa balik wang dengan segera.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memang tidak tidur sepanjang masa. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, jangan main-mainlah!

Tuan Lim Guan Eng: Tentang jumlah wang yang telah dibawa balik berikutan usaha oleh kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara kita dan apakah jumlah wang khususnya dari segi hartanah yang telah dijual di luar negara di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggalakkan supaya semua rakyat Malaysia menjualkan hartanah mereka dan membawa pulang ke negara kita. Apakah jumlah yang dibawa pulang selepas desakan ini dan adakah langkah-langkah ini selaras dengan gesaan yang dibuat oleh IMF baru-baru ini bahawa mereka ada dua reservation, dengan izin, tentang keadaan ekonomi yang mereka rasa pihak Kementerian Kewangan telah gagal melaksanakannya. Sekian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memberikan angka secara ikut kategori jumlah wang yang dibawa pulang kerana ada yang hasil keuntungan mengikut repatriation keuntungan, ada yang melalui pelaburan semula kerana ada juga syarikat-syarikat tempatan yang telah menubuhkan syarikat di luar negara bersama dengan syarikat asing dan ada juga yang mungkin membawa kembali wang yang mereka simpan sebelumnya. Kita tidak dapat memberikan penjelasan setakat ini.

Walau bagaimanapun, memang tidak ada petanda bertambahnya secara mendadak wang yang dibawa pulang ke Malaysia, yang nyata ialah wang keluar juga tidak bertambah sepertimana yang berlaku bulan November, Disember 1997. Jadi, keadaan jauh lebih terkawal.

Saya ingin juga menyentuh tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai teguran IMF berdasarkan penelitian mereka yang terperinci tentang langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia baru-baru ini. IMF memberikan satu gambaran yang cukup positif, kenapakah Ahli Yang Berhormat hendak memilih satu, dua teguran kecil mereka?

Secara umum di rantau ini, IMF memberikan satu kenyataan yang cukup menggalakkan bagi Malaysia, walaupun kita tidak memilih untuk akur atau merujuk semuanya kepada pandangan IMF.

Keduanya, kita sebagai negara yang tidak terikat dengan pinjaman dari IMF dan menghargai pandangan dan teguran mereka, kita tidak semestinya ikut semua arahan IMF, oleh yang demikian, saya ingin menjelaskan di sini bahawa sementara kita akan terus berunding dan memanfaatkan pengalaman dan expertise yang ada pada IMF, kita tidak bercadang untuk tunduk kepada semua pandangan dan permintaan IMF kerana kita anggap kita harus bebas untuk menerajui dan menentukan keutamaan Dasar Ekonomi Negara kita.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Para ahli sebahagiannya meramalkan bahawa pelaburan ke Malaysia ini akan berkurangan disebabkan oleh beberapa faktor. Yang pertamanya, di antara lainnya ialah insentif atau tawaran daripada negara-negara tetangga kita adalah jauh lebih baik termasuk negeri China sendiri. Ini kita lihat ada buktinya ialah sebahagian daripada pemodal-pemodal yang telah menanam modal di negara kita telah menutup kilang-kilangnya dan membuat pelaburan ke luar negara.

Yang kedua

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu soalnya, sudah ditanya, ini cuma sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di New York baru-baru ini di mana di sana Yang Amat Berhormat telah mengecam Jepun, saya kira ada effectnya, ada pengaruhnya dalam perkembangan perindustrian di negara kita di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Tumpat ini mempertahankan Jepun pula dah. [Ketawa] Memang benar bahawa pelaburan bukan sahaja di Malaysia tetapi di rantau Asia akan berkurangan termasuk di negara China, umumnya unjuran pelaburan asing di rantau iri akan berkurangan kerana perkembangan ekonomi di Amerika Syarikat yang cukup memberangsangkan. Kebanyakan minat pelabur masih tertumpu kepada perkembangan ekonomi di Amerika Syarikat termasuk pasaran saham yang melonjak tinggi, irrational exuberance masih berterusan di pasaran saham New York tetapi saya tidak jangka bahawa ia akan membawa pelabur memilih negara-negara lain berdasarkan insentif semata-mata. Insentif boleh diberikan tetapi kalau dilihat umpamanya kestabilan politik di Malaysia, perpaduan antara kaum di Malaysia, itu sukar ditandingi oleh banyak negara lain. Kita dapat pertahankan satu suasana keamanan yang sukar ditandingi oleh negara lain dan pada hemat saya ini juga perkiraan atau pertimbangan penting negara-negara lain atau pelabur apabila hendak memilih mana-mana negara untuk melabur.

Oleh yang demikian, kita tidak bercadang memberikan insentif tambahan. Insentif kita ini agaknya mampu bersaing (competitive) dengan negara-negara lain. Kalau pun ada yang memilih untuk menutup sebahagian daripada operasi mereka di sini, itu sangat kecil. Sebenarnya pemberhentian pekerja dan penutupan kilang di Malaysia masih jauh terlalu kecil dibandingkan dengan apa yang berlaku di negara-negara jiran. Dari angka-angka terakhir kita perolehi masih menunjukkan bahawa mereka masih memilih untuk kekal dan juga menambah pelaburan di Malaysia.

Mengenai Jepun, saya ingin menjelaskan bahawa teguran saya kepada Kerajaan Jepun itu adalah kerana kita tidak meminta pinjaman ataupun kita tidak meminta bantuan daripada Jepun. Kita hanya meminta supaya Jepun mengambil langkah merangsang ekonomi domestiknya sendiri dan ini kurang dilakukan kerana keengganan Jepun melaksanakan beberapa 'reform' dalam bidang kewangan dan memberikan peluang dan akses kepada pasaran dari Asian sendiri untuk ke Jepun. Bahkan, kalau kita lihat perdagangan Malaysia ke Jepun, kita lebih banyak import dari Jepun daripada dapat menembusi pasaran dan eksport ke Jepun berbanding umpamanya ke Eropah atau ke Amerika. Pelaburan yang tinggi masih lagi dari Barat, padahal, kerana kelembapan ekonomi Jepun ia tidak dapat meningkat dan menambah pelaburan di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, minggu lalu Perdana Menteri Hashimoto telah pun mengemukakan satu pakej merangsang pertumbuhan ekonomi di Jepun sebanyak 128 bilion Dollar dan kita tentunya menyambut baik keputusan ini dan menerima baik langkah dan pakej yang diumumkan oleh Perdana Menteri Jepun kerana ia melibatkan umpamanya pemotongan cukai bagi rakyat Jepun yang melibatkan penambahan modal bagi projek-projek tambahan bagi merangsang kekuatan domestik ekonomi Jepun dan ketiganya juga menambah peluang untuk memberi pinjaman modal supaya dapat mengembang dan merangsang pertumbuhan ekonomi Asia khususnya ASEAN.

Jadi oleh yang demikian, sementara teguran kita pada ketika itu cukup tepat tetapi langkah diambil minggu lalu saya kira harus disambut baik. Cuma kita meminta supaya Jepun dapat melaksanakan segera pakej yang mereka umumkan baru-baru ini.

BAHAN BUANGAN DI PERAIRAN NEGARA – TINDAKAN KERAJAAN

12. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap kapal-kapal asing yang sering membuang bahan buangan di perairan negara kita. Apakah langkah-langkah yang seterusnya supaya kejadian itu tidak berulang lagi dan dapat memberi pengajaran kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan

telah mengambil tindakan dengan menahan kapal-kapal asing yang disyaki membuang bahan buangan di perairan negara dan mendakwa di mahkamah apabila penyiasatan lanjut mendapati cukup bukti bahawa kapal yang terlibat menjalankan pembuangan bahan buangan di perairan negara ini.

Langkah-langkah seterusnya juga telah diambil oleh kerajaan supaya kejadian ini tidak berulang seperti:

- (i) mempertingkat lagi keupayaan penguatkuasaan undang-undang dengan meningkatkan denda-denda yang diperuntukkan dalam undang-undang;
- (ii) mempertingkatkan lagi pengawasan dan pengesanan terhadap kapal-kapal yang membuang bahan buangan ini oleh agensi-agensi maritim; dan
- (iii) mempertingkatkan kesedaran dan tanggungjawab menjaga alam sekitar kepada penguasa-penguasa perkapalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 6 dan 13 hingga 48 akan dijilid dalam naskhah berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[29 April 1998]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Seremban belum berucap, sila.

Dato' Hon' Choon Kim [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berbahas. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Saya anggap pindaan ini adalah tepat pada masanya kerana beberapa kandungan di dalam akta ini perlulah dipinda supaya lebih sesuai dengan masa yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi seorang manusia ada empat perkara yang amat penting atau boleh dianggarkan sebagai keperluan asas iaitu perumahan, pakaian, makanan dan pengangkutan. Dalam bahasa Cina, dengan izin, "ee, ser, cho, sim" Empat perkara ini adalah amat penting kerana tanpanya manusia ini tidak boleh hidup dan oleh kerana itu ini telah pun menjadi satu petunjuk sama ada negara itu maju ataupun kurang maju. Kalau kita dapat lihat empat perkara ini dan kita dapat lihat di negara-negara yang mundur bahawa dalam empat perkara ini memang berkurangan – sistem lalu lintas tidak ada, perumahan tidak ada, makanan tidak cukup, pakaian tidak kemas dan sebagainya tetapi bagi negara kita, rakyat Malaysia bernasib baik kerana di negara kita ini rakyat Malaysia dapat menikmati keempat-empat keperluan asas ini pada satu tahap yang saya rasa membanggakan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia. Oleh kerana itu kita lihat bahawa dari segi perumahan, pengangkutan, makanan, pakaian dan sebagainya boleh dianggap bahawa perkara-perkara ini adalah cukup. Akan tetapi saya rasa masih ada kelemahan-kelemahan yang perlu kita baiki khususnya dalam bidang pengangkutan. Oleh kerana itu saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ada hubung kait dengan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia – di Kuala Lumpur umpamanya, traffic jammed, dengan izin atau kesesakan lalu lintas telah dijadikan satu bahan ketawa atau as a joke. Oleh kerana traffic jammed ini memang telah menjadi satu masalah yang begitu rumit. Saya pernah mendengar seorang kawan dari negara asing mengatakan kepada saya bahawa di negara beliau traffic jammed berlaku tiga kali sahaja iaitu pada waktu pagi, petang dan juga pada waktu habis kerja, pekerja hendak balik – tiga kali menghadapi masalah traffic jammed. Tetapi katanya di Malaysia, di Kuala Lumpur khususnya rakyat bernasib baik sebab ia berlaku cuma sekali sahaja iaitu pada pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang. Walaupun, ini hanya bergurau tetapi ini memang menunjukkan bahawa masalah traffic jammed ini sudah sampai ke satu tahap yang perlu diberikan perhatian dan traffic jammed ini memang ada hubung kait dengan perkhidmatan bas awam (public transport) yang disediakan.

Dua perkara ini memang ada hubung kait. Kalau public transport tidak diberikan dengan sempurna, maka rakyat atau penduduk di Kuala Lumpur terpaksa membawa kereta sendiri dan oleh kerana itu kita nampak bila-bila masa ada traffic jammed kerana sistem public transport ini masih tidak memuaskan atau tidak boleh memenuhi kehendak rakyat yang tinggal di ibu kota ini. Oleh kerana itu saya rasa kerajaan perlu mengambil satu langkah yang lebih positif untuk menangani masalah ini.

Di Kuala Lumpur memang banyak masalah yang ada hubung kait dengan perkhidmatan bas awam ini. Saya pun telah didatangi oleh beberapa orang dan mengatakan bahawa perkhidmatan (services) yang diberikan di Kuala Lumpur memang jauh memuaskan. Katanya bas biasanya tidak mengikut jadual walaupun time tablenya telah dipamerkan tetapi biasanya tidak mengikut jadual waktu sampai, bertolak dan sebagainya. Mereka terpaksa menunggu satu jam, satu setengah jam khususnya pada waktu hujan untuk balik atau datang ke office. Ini menunjukkan bahawa ini memang melibatkan 'wastage of time'. Banyak waktu telah terbiar dan ini mengakibatkan kehilangan waktu bekerja. Jadi, ini adalah satu perkara yang sentiasa berlaku di Kuala Lumpur ini.

Satu perkara juga mengenai beberapa syarikat bas yang memberikan perkhidmatan dan nampaknya ada bas yang memberikan perkhidmatan yang baik tetapi nampaknya ada syarikat yang tidak memberikan perkhidmatan yang baik, umpamanya City Liner – terdapat banyak kompelin tentang syarikat ini, pertamanya, tidak mengikut jadual dan juga pemandunya biasanya tidak bertimbang rasa dan biasanya tidak bersopan santun dan banyak perkara berlaku, menyinggung perasaan penumpang dan sebagainya. Jadi, perkara begini perlulah kerajaan mengambil maklum dan juga mengambil satu tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Saya juga mendapati bahawa Intrakota ini walaupun tambangnya 90 sen tetapi kalau tidak ada duit tukar (change) masuk wang RM1, ia tidak akan keluaran baki 10 sen. Saya pun tidak tahu apa sebabnya, sebuah syarikat yang mempunyai bilangan bas yang begitu banyak mengapa tidak boleh menyediakan satu slot machine yang boleh menukarkan wang. Kalau tidak boleh pun tidak apa, eloklah di pondok-pondok perhentian bas letakkan satu mesin untuk pertukaran wang. Apa fasal ini tidak boleh buat? Saya tidak faham atau sengaja tidak mahu buat, hendak untung lebih? Saya dapat kompelin juga, kalau tidak ada change, misal kata wang kertas RM2, beri pemandu terima dan lepas itu hendak minta balik baki dia tidak peduli, ini memang selalu berlaku tetapi sama ada kerajaan tahu atau tidak tahu masalah ini berlaku dan apa masalah yang sebenarnya. Mengapa susah sangat hendak memasang satu mesin yang boleh mengeluarkan wang tukar, bukan minta banyak. Ini sepatutnya sebahagian dari perkhidmatan (service), patut diberikan. Cuba kirakan setiap orang membayar 10 sen berlebihan, berapa wang lebih ini yang dikutip? Sama ada telah dicukai atau tidak, itu pun satu persoalan. Itu tidak dapat dikira, resit 90 sen dan wang masuk RM1.

Jadi, ini satu perkara yang nampaknya bukan susah sangat hendak mengatasi tetapi masalah ini berlarutan berkekalan dan sama ada syarikat peka atau tidak tentang masalah ini dan saya pun tidak dapat terima walaupun alasan-alasan telah diberikan saya tidak nampak – tidak dapat kita terima mengapa tidak boleh wujudkan satu mesin yang boleh memulangkan pertukaran wang kepada penumpang. Saya tidak dapat menerima apa sahaja alasan yang diberikan.

Kita lihat di Hong Kong, di 'Tube Station' memang banyak mesin disediakan untuk kita menukar wang. Tidak ada wang syiling tidak apa, kita boleh tukar, senang! Masuk \$10 boleh keluaran wang tukar, di tempat-tempat parking juga saya nampak – di tempat letak kereta juga menyediakan mesin yang kita boleh tukar wang untuk membayar. Jadi, saya berharap perkara ini dapat kita selesaikan dengan cepat. Dalam masa kegawatan ekonomi ini 10 sen pun banyak, bagi orang miskin 10 sen pun kira banyak.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja perkhidmatan bas di bandar seperti Kuala Lumpur tidak memuaskan. Di luar bandar, di bandar-bandar kecil seperti di Seremban perkara ini juga berlaku. Syarikat-syarikat yang dapat permit ini sengaja tidak mahu masuk ke taman-taman perumahan kecil, alasannya ialah tidak menguntungkan kerana bilangan penumpang kurang. Itu pun saya tidak dapat terima sebab apabila syarikat itu diberikan route atau permit untuk menjalankan perkhidmatan pengangkutan di sesebuah jalan umpamanya, memang mesti termasuk taman-taman berhampiran. Tidak boleh asing-asingkan taman itu kurang produktif, kurang profit tidak mahu masuk.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah berlaku di Seremban – Taman Bidara, Bukit Chedang, Rasah Jaya, Bukit Gaya, Panchor Jaya, Seremban Garden Bukit Labu dan Taman Berlian. Taman-taman ini walaupun namanya ada perkhidmatan bas tetapi sebenarnya tidak sampai, saya pun tidak tahu siapa yang bertanggungjawab, apa yang saya tahu ialah mereka dapat permit daripada LPKP. Jadi, saya minta pihak LPKP boleh membuat satu siasatan mengapa hal ini berlaku. Kalau syarikat itu tidak berminat apa salahnya LPKP menyiarkan dalam surat khabar menjemput mana-mana tender dan syarikat yang berminat untuk memberikan perkhidmatan. Saya rasa ada orang berminat untuk memberi perkhidmatan. Kadangkala walaupun ia sampai, ia sampai di pintu masuk taman itu sahaja dan tinggalkan mereka.

Cuba bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang tua dan kanak-kanak, pada waktu malam bagaimana mereka balik. Hendak berjalan satu batu lagi masuk ke taman tetapi mereka tidak peduli kerana kononnya tidak mendapat keuntungan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini juga satu perkara yang harus diberi perhatian dan saya mencadangkan ditarik balik permit yang diberikan kepada mereka. Tarik balik dan tawarkan kepada mereka yang ghairah untuk memberi perkhidmatan di taman-taman ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkhidmatan bas awam ini tiga perkara perlu diberikan pertimbangan. Pertama ialah perkhidmatan ini mesti mencukupi. Seperti saya sebut tadi mesti berkhidmat kerap kali atau memang memberikan servis yang cukup dengan kenderaan dan bas yang cukup. Kalau cuma dapat permit tetapi tidak mencukupi dari segi kemudahan, dari segi bas, maka ini tidak boleh diterima oleh rakyat Malaysia. Yang kedua ialah tambangnya mesti berpatutan. Tambangnya mesti dikaji dari masa ke semasa, biasanya tambang naik sahaja dan tidak pernah turun, ia tidak pernah turun, ia naik. Yang ketiga ialah keselamatan dan keselesaan. Ini pun satu perkara yang perlu diberi perhatian. Kalau perkhidmatan bas itu tidak selamat, pemandu bas pukul orang, itu bukan satu perkhidmatan yang baik. Ini pernah berlaku, saya baca surat khabar bahawa pemandu bas tendang atau wallop, punch penumpang, ini telah berlaku. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat bila lesen permit diberikan, adakah menentukan pemandu-pemandu yang akan diambil untuk bekerja sama ada mereka samsengkah atau apakah atau mempunyai pengalaman. Jadi, ini adalah tiga perkara saya rasa mesti diberi pertimbangan sewajarnya. Saya ulang – bas mesti mencukupi, tambang mesti berpatutan dan juga keselamatan dan keselesaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada pengangkutan lori. Ini pun satu perkara yang rumit sebagai wakil rakyat sentiasa mendapat banyak aduan daripada orang ramai. Satu perkara yang saya rasa hairan atau tidak dapat jawapan ialah saya lihat ada pengusaha lori ini bertahun-tahun memohon mendapatkan lesen tetapi tidak berjaya. Pemandu teksi serupa juga, 10 tahun bekerja sebagai pemandu teksi bila ditanya, “Encik, kereta ini siapa punya?” – Sewa! Tidak ada permit. Pemandu lori pun sama juga, tidak ada permit. Jadi, memang ini satu perkara yang berlarutan. Saya hendak soal sama ada kementerian atau LPKP mempunyai satu garis panduan yang memang terang dan jelas untuk diberikan kepada pemohon. Kalau pemohon itu mendapat memenuhi syarat-syarat tertentu (a), (b), (c), (d), maka permit itu boleh diberikan. Jadi, sekarang tidak ada garis panduan yang jelas, oleh kerana itu tiap-tiap tahun mereka memohon permit, tahun demi tahun dan jawapan ialah ‘dengan dukacitanya permohonan tuan tidak berjaya’. Ini juga memberikan beban kepada pegawai LPKP sebab permohonan yang sama.....

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Penjelasan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Seremban adakah keadaan seperti ini memberi kesempatan kepada orang-orang tengah yang cuba mencari kesempatan?

Dato' Hon Choon Kim: Ini memang berlaku. Kawan-kawan yang telah berusaha beberapa tahun ini, dia mempunyai lori, permitnya disewakan – sewa daripada orang yang memegang permit tetapi tidak mempunyai lori dan tidak mengusahakan lori itu. Ini memang berlaku. Itulah satu bab yang kena dilihat semula sama ada boleh diteruskan atau tidak. Jadi, ini memang satu perkara yang rumitlah, saya rasa Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pun ada jumpa perkara ini.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Mahu lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Seremban ada sebut ada orang yang ada permit, ada lori, sekarang ini ada orang yang tidak ada lori, tidak ada permit tetapi jadi orang tengah pula, macam mana keadaan itu?

Dato' Hon Choon Kim: Itu saya tidak tahu. Kena tanya Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri, nanti dia jawablah. Ada orang yang tidak ada permit, tidak ada lori tetapi menjadi sebagai orang tengah, itu saya tidak dapat jawab.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin tanyalah berapa permit yang telah diberikan kepada jenis A dan jenis C pada tahun 1997 dan juga pada tahun ini sampai setakat ini berapa permit yang telah diberikan, untuk permit A dan juga permit C.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa permit juga diberikan kepada syarikat-syarikat yang bukan berusaha sebagai transporter atau syarikat pengangkutan, misal kata kilang dan seumpamanya tetapi permit itu dia juga sewa kepada orang. Jadi, orang itu gunakan permit dia untuk mengangkut barangan atau kargo mereka, itu pun satu perkara yang perlu dilihat.

Saya juga difahamkan baru-baru ini beberapa syarikat asing juga mendapat permit walaupun bukan dalam bidang pengangkutan, juga mendapat permit untuk mengangkut kargo mereka. Saya dengar mereka juga mengupah orang untuk membawa kargo dan sewakan permit ini gunakan lori yang bukan dimiliki oleh syarikat-syarikat asing. Sama ada ini dasar kerajaan atau tidak, saya tidak tahulah, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara ialah permit sementara. Permit sementara itu asalnya, tujuannya ialah untuk menghapuskan penipuan dari segi pemohon menggunakan permit itu, tidak tahulah apa jenis penipuannya tetapi ini memang tujuannya untuk menghapuskan penipuan – mengemukakan permit sementara ini tetapi malangnya sistem ini ada kelemahan. Apabila mereka mendapat permit sementara ini pemohon boleh menggunakan permit sementara untuk membawa lorinya untuk mendaftar dan juga dihantar ke Puspakom untuk diperiksa tetapi hendak bayar road-tax, pemohon ini atau pemegang permit sementara ini perlu pergi ke LPKP untuk menyerahkan balik permit sementara dan dapat permit asal. Ini dulunya tunggu satu atau dua hari sudah dapat, sekarang ini kononnya 3 bulan, tidak tahulah sama ada benar atau tidak. Kalau benar saya rasa ini pun merupakan satu kelemahan yang perlu kita perbaiki. Kalau dapat permit sementara, lepas itu kereta telah didaftarkan dan juga insurans telah dibayar tetapi kena tunggu dua hingga tiga bulan barulah dapat permit asal untuk membayar road-tax, barulah boleh gunakan lori itu. Saya anggap ini bukanlah satu perkara yang biasa, bukan logical, jadi minta Yang Berhormat Timbalan Menteri juga memberi satu penerangan mengapa ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kargo di Malaysia ini kadangkala bercorak seasoner atau bermusim, misal kata minyak kelapa sawit mungkin bermusim, mungkin bulan ini tidak ada, bulan itu ada. Tetapi kalau lori itu tujuannya untuk membawa minyak kelapa sawit dalam masa yang tidak ada kargo, mereka terpaksa biarkan lori macam itu sahaja, tidak dapat menggunakan lori itu. Oleh kerana itu saya rasa mengapa tidak memberikan kelulusan seperti multi-trailer supaya prime mover lori atau trailer itu bolehlah ditukarkan bermacam-macam jenis kargo mengikut musim.

Jadi, kita dapat menggunakan prime mover ini dengan sepenuh masa. Ini memang meningkatkan produktiviti sebab kita pun selalu cakup untuk meningkatkan produktiviti dan sebagainya, tetapi nampaknya dari segi ini saya rasa tidak ada produktiviti yang kita harap-harapkan, sebab prime mover itu terbiar macam ini, sebab pada musim yang berkenaan kargo itu tidak ada. Apa salahnya kalau pada masa itu membenarkan pemegang permit menggunakan prime mover itu untuk mengangkut bahan-bahan lain atau kargo-kargo lain. Jadi itulah multi trailer. Saya difahamkan sekarang ini diberikan permit interchangeable trailer dengan izin. Interchangeable permit ini cuma mendatangkan manfaat kepada syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat yang mempunyai banyak lori. Jadi mereka boleh tukar-tukar.

Walaupun dengan menggunakan permit 'interchangeable trailer' ini setiap masa digunakan, mesti ada sebuah prime mover tidak dipakai. Ini baik kalau prime mover itu dihantar untuk service. Itulah boleh digunakan permit 'interchangeable trailer'. Saya cadanglah diberi pertimbangan untuk meluluskan multi-trailer supaya produktiviti kita dapat meningkat dan kalau tidak ada, syarikat itu perlu import lebih satu prime mover untuk mengangkut barang-barang atau kargo bercorak seasonal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bercadang bahawa satu jawatankuasa perundingan terdiri di antara Jabatan, LPKP dan juga pengusaha-pengusaha lori, pengusaha-pengusaha perkhidmatan bas awam dan sebagainya supaya masalah-masalah yang berhubung kait dengan industri ini dapat diselesaikan.

Dengan cara ini sudah tentu akan meningkatkan perhubungan atau understanding dengan izin, di antara beberapa pihak. Ini sudah tentu dan mesti boleh bantu mereka, bukan saja LPKP senang menyampaikan hasrat kerajaan, dasar-dasar baru dan sebagainya, dan pada masa itu mereka dapat lihat apa masalah, daripada pengusaha-pengusaha ini. Jadi kalau dapat kita mewujudkan dan menghidupkan balik, saya difahamkan dulu, memang ada jawatankuasa seumpama ini untuk bertukar-tukar fikiran, apa salahnya dihidupkan balik cara ini, supaya dapat menghayati konsep "Malaysia incorporated". "Malaysia incorporated" ialah saling faham memahami di antara satu sama lain. Jadi dengan cara ini saya rasa banyak masalah dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah, saya ucapkan sebanyak terima kasih dan berharap perkara-perkara yang disebut tadi dapat diberikan pertimbangan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong lepas itu Kangar dan lepas itu Menteri menjawab. Kepong dulu.

4.05 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana saya nampak ada beberapa orang yang sudah menentukan beberapa perkara semalam dan hari ini. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya hendak bangkitkan satu perkara iaitu di dalam rang undang-undang ini, iaitu naskah Bahasa Malaysia - "bas persiaran" - bolehkah Yang Berhormat tukarkan 'bas pesiaran' bukan "bas persiaran". Persiaran adalah satu proklamasi atau pengistiharan - "pesiaran" p.e. mungkin dipengaruhi oleh papan-papan jalan dan sebagainya yang diletakkan perkataan persiaran - itu salah. Saya berharap semualah di dalam naskah Bahasa Malaysia perkataan ini ditukarkan kepada ejaan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, memang pembentangan akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini adalah tepat, kerana kita sedang menghadapi berbagai-bagai masalah bukan saja masalah teksi, masalah bas dan juga masalah lori (kenderaan berlesen) dan di sini hendak saya tekankan - saya nampak di beberapa bandar terutamanya di bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, pihak Dewan Bandaraya sudah berusaha untuk memperbaiki dan menyediakan prasarana asas untuk pengangkutan awam. Entah beberapa ratus juta ringgit telah pun digunakan untuk memperbaiki prasarana asas ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua syarikat di Kuala Lumpur sudah mendapat konsesi iaitu Intrakota Konsortium Sendirian Berhad dan Park May. Saya percaya ada perjanjian di antara kedua-dua syarikat ini dengan pihak kementerian dan pada dua, tiga minggu yang lepas saya nampak pihak Intrakota nampaknya tidak puas hati dengan komen Yang Berhormat Menteri. Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah di dalam perjanjian ini, pihak Intrakota Konsortium Sendirian Berhad ataupun Park May, ataupun syarikat-syarikat yang lain terpaksa membuat kebajikan ataupun memperuntukkan wang untuk kerja yang tidak ditetapkan di dalam perjanjian. Kerana nampak daripada komen ataupun kenyataan

pihak Intrakota seolah-olah mereka memperuntukkan wang untuk kerja yang tidak termaktub di dalam perjanjian. Kalau kerja ini diarahkan oleh pihak kementerian, apakah kerja seumpama ini yang memerlukan pihak syarikat-syarikat ini melakukan, di luar daripada perjanjiannya, dan saya nampak, ada usaha oleh pihak Intrakota dan juga Park May untuk memperbaiki keadaan, tetapi setakat ini kita tidak nampak sangatlah keadaan yang lebih selesa yang dihadapi oleh penumpang-penumpang bas.

Yang pertamanya pada 31 Mac tahun ini, bas mini, perkhidmatannya selama 23 tahun telah ditamatkan sama sekali. Dan masalah timbul, sebelum ini pemandu-pemandu bas mini dan perkhidmatannya memang mewujudkan kelemahan. Pemandu-pemandu itu kadangkala kasar sedikit dan perkhidmatan pun tidak selesa. Tetapi ada baik juga kerana bas mini boleh masuk ke lorang-lorang kecil, di kawasan-kawasan pinggir dan sebagainya. Saya bagi satu contoh Tuan Yang di Pertua, di Jinjang Utara, walaupun pada beberapa tahun ini, ada beberapa batang jalan yang sudah pun diperbesarkan, tetapi kebanyakan jalan itu sempit. Saya mengakui ada penduduk letakkan kereta di tepi jalan. Kalau jalan sempit dan kereta diletakkan di tepi jalan, memang jadi lebih sempit lagi dan kemudian bas mini boleh melaluinya. Tapi bila perkhidmatan bas mini diberhentikan, Intrakota terutamanya dengan "Mega Rider" kerana 'mega' itu besar - bas yang besar - mereka tidak dapat melalui jalan-jalan yang sempit dan ini bermakna sebahagian besar Jinjang Utara tidak dapat perkhidmatan bas.

Dan ada juga saya diberitahu bahawa beberapa bulan yang lepas ada bas yang besar, Intrakota ini masuk dan kerana merempuh sedikit kereta yang terletak dengan secara tidak mengikut peraturan (secara haram) dan berlaku pertikaian dan pergaduhan pula sehingga pihak Intrakota memberhentikan perkhidmatan. Soalannya, mengapa pihak Intrakota ataupun Park May tidak ada bas mini sendiri? Kerana semua bas itu Mega Rider di dalam jalan-jalan besar memang baik, kalau bas besar itu boleh memuatkan penumpang lebih ramai dan mungkin tidak akan menanggung kerugian. Saya mengakui bahawa dalam masa peralihan ini syarikat-syarikat seperti Intrakota dan Park May memang mengalami masalah kerugian kerana perkhidmatan tidak sempurna, tidak selesa dan ada setengah-setengah itu tidak tahu apakah perkhidmatan bas, perkhidmatan pengangkutan awam? Memang tidak memahami keadaan. Mungkin mereka tidak mempunyai pengalaman. Kalau tidak ada pengalaman mengapa kita beri mereka konsesi ini? Itu masalah timbul. Mengapa kita memberi konsesi kepada syarikat-syarikat yang tidak mempunyai pengalaman? Ini memang satu masalah yang besar.

Saya berharap cadangan saya ialah bagi semua jenis perkhidmatan yang diadakan sebelum ini oleh bas mini, bolehkah pihak bas ataupun pihak kementerian mempertimbangkan termasuk memperolehi bas-bas kecil daripada mega supaya bas ini boleh melalui jalan-jalan yang sempit kerana di Kuala Lumpur ini walaupun ibu kota ada banyak jalan yang sempit dan salah satu jawapan daripada pihak yang tertentu ialah kalau hendak perkhidmatan bas mestilah memperluaskan jalan. Ini dia tendang bola balik kepada Dewan Bandaraya.

Jadi, Yang Berhormat kita cuba fikirkan, bolehkah kita memperluaskan semua jalan di Kuala Lumpur ataupun di Lembah Kelang? Kalau tidak, saya mencadangkan supaya pihak bas ini memperolehi bas-bas yang lebih kecil daripada mega supaya perkhidmatan dapat diteruskan sepertimana yang dilakukan oleh bas-bas mini sebelum ini.

Mengenai keselesaan, walaupun nampak pada awalnya bas mega rider dan sebagainya nampak selesa daripada luar dan dengan kenderaan yang baharu memang selesa sedikit. Dengan hawa dingin dan sebagainya, memang selesa. Tetapi ini bukan semua kesalahan bas ataupun syarikat bas kerana sistem yang ada sekarang ada kelemahan termasuk kesedaran sivik yang tidak cukup. Beratus-ratus ribu penumpang ada yang tidak mempunyai kesedaran sivik langsung dan pihak kementerian boleh mencari jalan untuk mengatasi kekurangan kesedaran sivik ini. Tetapi pihak bas memang sudah pun sedar apakah masalahnya:

- (i) penumpang-penumpang bersesak-sesak di dalam bas dan 517 buah bas Intrakota itu tidak cukup. Memang tidak cukup sehingga berlakunya kesesakan di dalam bas;
- (ii) waktu menunggu bas terlalu panjang;
- (iii) bas ini tidak mengikut jadual. Bukan semua kerana masalah bas sendiri, masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur memang berlaku. Kesesakan ini memang mewujudkan masalah sehingga setengah-setengah bas itu tidak dapat mengikut jadual;
- (iv) perkhidmatan yang tidak merata, sudah pun saya sampaikan aduan tadi mengenai bukan sahaja di Jinjang Utara bahkan di banyak tempat terutamanya di pinggir kota. Tempat-tempat yang mendapat khidmat bas mini tetapi sekarang dibiarkan oleh syarikat-syarikat Intrakota dan Park May;
- (v) memang ada juga setengah-setengah pemandu yang masih kasar dan saya berharap sikap seumpama ini dapat diubah walaupun ada setengah-setengah penumpang kasar juga. Bukan masalah satu pihak sahaja. Walau bagaimanapun, ini masalah yang sentiasa wujud dan memang kita berharap pemandu Intrakota dan Park May boleh mengubah sikap supaya mereka dapat menangani masalah para penumpang yang kurang sopan; dan
- (vi) sebelum ini kita nampak ada setengah-setengah bas mini dan juga bas-bas berhenti-henti yang keadaannya tidak mencapai standard.

Tetapi saya hendak menyeru di sini supaya pihak Intrakota dan Park May dan pihak syarikat yang bakal mendapat konsesi yang lain dapat memastikan keadaan bas yang mencapai standard. Kadangkala bukan sahaja tidak mencapai standard, kita nampak asap hitam daripada bas-bas ini. Saya pun tidak tahu, bas itu nampak baru, nampak selesa, nampak canggih tetapi asap hitam. Apakah masalah? Tipukah? Ada setengah-setengah kawan kata dia tipu tapi adakah kemungkinan bahawa bila ada masa untuk periksa kenderaan seumpama ini pihak Puspakom misalnya tidak memeriksa dengan baik. Adakah ini benar? Itu tolong daripada belakang juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat. Dia orang tidak mahu ucap, orang lain berucap dia kacau sahaja.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* dan apakah masalah mengenai pemeriksaan kenderaan bas, lori dan teksi? Bolehkah Yang Berhormat membuat kajian semua ini sebab apa masih keluarkan asap hitam? Ada banyak cadangan lagilah. Saya berharap mereka boleh berucap juga dan itu mengenai bas, Tuan Yang di-Pertua, dan ada kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa mungkin satu atau dua lagi syarikat bas akan diberi peluang untuk berkhidmat kerana dwi syarikat ini memang tidak begitu mengadakan perkhidmatan yang diharapkan. Memang harapan itu tinggi.

Walaupun bagaimanapun saya berharap tidak wujud keadaan monopoli. Kalau monopoli memang susah. Memang susah kalau ada dua, tiga syarikat lagi memang mereka boleh tengok seperti sekarang ada stesen TV banyak dan memang mereka mesti berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan. Itu mengenai bas. Saya berharap pengalaman yang terdapat di ibu kota kita ini dapat juga digunakan untuk seluruh negara, supaya perkhidmatan pengangkutan awam negara dapat setanding dengan negara-negara maju. Kita hendak capai tahap negara maju pada tahun 2020 dan kita berharap pengangkutan awam negara boleh setanding dengan negara-negara maju, itulah hasrat kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bas ekspres, apakah pendapat pihak kementerian mengenai cadangan atau arahan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan atau Menteri Pengangkutan bahawa semua bas ekspres, bas persiaran mesti dilengkapi dengan alat had laju kotak hitam. Saya nampak ada setengah-tengah bas belum lagi memasang kotak hitam dan saya pun tidak tahulah sama ada alat ini berkesan ataupun tidak kerana maksudnya mereka hendak hadkan, bagi amaran kepada pemandu bila dia pandu dengan lebih laju. Kalau kita gunakan lebuh raya sama ada Utara-Selatan, ataupun lebuh raya lain, kita boleh nampak walaupun had laju 110 kilometer sejam dan juga had laju untuk bas persiaran ataupun bas ekspres, dia memang had tidak sampai 110 kilometer sejam tetapi dia boleh potong kita, kalau kita pandu 100 kilometer sejam atau 110 kilometer sejam, tetapi bas ekspres dan bas persiaran ini boleh memotong kita dengan senang sahaja. Ini bermakna, mereka itu melebihi....

Seorang Ahli: ...200 kilometer sejam.

Dr. Tan Seng Giaw: 200 mungkin tidak sampai, 200 sangat merbahaya. Mungkin inilah masalah sehingga berlakunya kemalangan, memang berlaku kemalangan, bas ekspres dengan bas persiaran dan bila berlaku dengan kebakaran, ramai terkorban. Dan bolehkah Yang Berhormat membuat kenyataan mengenai kotak hitam untuk semua bas ekspres dan bas persiaran?

Tuan Yang di-Pertua, untuk bas ini, kalau semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini, kita pergi ke Puduraya, kita tengok macam mana bas ekspres, bas persiaran dan juga Intrakota dan Park May, kita tidak payah lama setengah jam sudah cukup, tengok bas ini salah satu punca kesesakan lalu lintas.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw:hendak pindah, kita tidak tahu lagi hendak pindah kerana pihak kementerian, bukan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri, kerana sebelum mereka menjadi Menteri ataupun Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Usahawan sudah membuat ketetapan untuk mengadakan Puduraya. Saya pernah sebutkan di sini, saya pun tidak tahu mengapa kementerian ini buat keputusan untuk mengadakan Puduraya di tengah-tengah jalan. Saya tidak pernah tengok di luar negara ada stesen bas di tengah jalan. Entahlah rasionalnya atau taakulan mereka. Bukan kesalahan Yang Berhormat kerana sebelum ini Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri ini sudah berlaku, saya tidak tahu dan inilah masalah keputusan yang salah.

Sehingga sekarang tiap-tiap hari kita nampak berpuluh-puluh bas di situ yang menjadi salah satu punca kesesakan lalu lintas. Bolehkah Yang Berhormat kaji semua ini, macam mana kita boleh mengelakkan kesesakan, bukan mengecatkan bangunan Puduraya, itu bukan satu penyelesaian. Kita catkan, Tuan Pengerusi, dengan cat yang baik, itupun cantik juga, cat warna biru. Tetapi kecantikan ini tidak akan menyelesaikan masalah di Puduraya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali mengenai teksi di Lembah Kelang, maklumlah kita ada 18,875 buah teksi. Selain daripada perkhidmatan setengah-tengah teksi perlu perbaiki saya nampak daripada lebih 200 syarikat teksi di Lembah Kelang ini, ada hampir 19,000 pemandu teksi, memang banyak terdapat kelemahan seperti ada setengah-tengah pemandu teksi memang masih kasar lagi dan saya berharap mereka tidak akan menipu penumpang-penumpang terutamanya para pelancong. Dan.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bagan bangun. Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan teksi. Bukankah kementerian selalu menyeru supaya mereka mengenakan bayaran dengan

meter. Satu contoh yang teras terang menunjukkan mereka tidak mematuhi arahan ini adalah di lapangan terbang. Di hadapan Terminal 3 iaitu di sebelah jalan di bawah jejantas ada banyak teksi sedang menunggu di sana. Jikalau kami pergi Terminal 3 dan mengambil satu limousine untuk pergi ke Subang Jaya ia memerlukan RM20. Tetapi kalau kami menyeberang jalan, dan pergi menahan sebuah teksi di bawah jejantas itu, kadar meter yang akan dikenakan kepada penumpang ke Subang Jaya adalah lebih kurang RM7 sahaja, tetapi teksi-teksi yang menunggu di bawah jejantas itu, mereka terlampau, meminta hingga RM15 untuk pergi ke sana. Dan jikalau kami tidak mahu bayar mereka enggan membawa dan kita kena tunggu sampai sesebuah teksi datang dan kami menahannya "Encik boleh bawa saya ke Subang Jaya dengan meter, dia kata "boleh" barulah kami naik dan sampai ke tempat, kita cuma bayar RM7. Adakah kementerian tidak sedar perkara ini kerana tiap-tiap hari ada hampir 10 buah teksi menunggu di sana dan mereka enggan membawa penumpang menggunakan meter.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya Kepong perkara itu buat apa? [Ketawa].

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana ini memang, kita mesti siasat sama ada hal yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bagan benar-benar berlaku dan memang kementerian itu mungkin tidak cukup pegawai untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh penumpang-penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemandu-pemandu teksi ini walaupun ada setengah-setengah mesti membaiki sikap dan perkhidmatan mereka, tetapi sebaliknya bolehkah Yang Berhormat mengkaji terma-terma dan syarat-syarat di antara lebih 200 syarikat teksi ini dengan pemandu-pemandu teksi. Apakah syarat-syarat mereka, misalnya untuk Proton Iswara, Iswara ada teksi. 'Iswara' itu bahasa Jepun sebab bahasa Malaysia tidak ada, kita mesti pinjam bahasa Jepun juga. Iswara itu rama-ramakah?

Seorang Ahli: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Merapu pula, kita ada rama-rama tidak boleh pakai, kita mesti Iswara atau Mesyuarah, rama-rama tidak boleh.... [Ketawa] lambat sikit. Dan apakah syarat-syarat itu? Adakah adil untuk para pemandu kerana mereka mungkin terpaksa di dalam tempoh 5 tahun membayar RM100,000 untuk sebuah teksi. Walaupun saya tidak puas hati dengan setengah-setengah pemandu, tetapi saya beranggap mereka memang mempunyai hak.

Satu masalah lagi pada akhir-akhir ini, pihak Kementerian sudah mengumumkan bahawa pemandu-pemandu ini memang mesti mengikuti kursus latihan, saya tidak menafikan bahawa mereka memerlukan kursus latihan dari segi kesopanan, kemesraan, kejujuran, pakaian yang kemas dan sebagainya. Ini memang kita perlukan kursus latihan dan kursus latihan ini diberi kepada lima syarikat dan saya pun tidak tahulah macam mana kita hendak pilih syarikat ini, mungkin pihak Kementerian tidak mempunyai kemampuan untuk menjalankan kursus seumpama ini. Walau bagaimanapun, di dalam lima syarikat ini memang masa mereka memberi latihan ini, misalnya ada setengah-setengah syarikat itu ditetapkan 1 hari 8 jam untuk 6 hari. Ada setengah-setengah itu yang ditetapkan 4 jam untuk 12 hari. Ini bermakna pemandu ini tidak boleh kerja, tambah pula seseorang itu mesti membayar RM220,000 dan bolehkah Kementerian mengkaji semula macam mana kita boleh tolong para pemandu seolah-olah mereka itu kaya- raya. Boleh berhenti 12 hari, 2 minggu untuk mengikuti kursus dan juga keluarkan wang daripada saku RM220.00 untuk 2 minggu. Dalam tempoh 2 minggu ini tidak payah mereka memandu teksi.

Saya mengulangi, saya berpendapat mereka perlukan latihan, perlu lebih banyak kursus tetapi macam mana kita boleh meringankan beban ke atas mereka supaya 19,000 pemandu teksi ini boleh mendapat latihan yang secukupnya. Dan ada banyak perkara lagi dan saya berharap perkara-perkara yang telah saya bangkitkan ini

dapat dikaji oleh pihak Kementerian dan sebab itulah saya mencadangkan supaya satu kajian menyeluruh diadakan untuk perkhidmatan teksi, bas, lori bukan sahaja di kawasan Wilayah Persekutuan bahkan juga di seluruh negara supaya kita boleh wujudkan satu sistem perkhidmatan pengangkutan negara yang dapat setanding dengan negara-negara maju. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kangar, selepas itu menteri menjawab.

4.33 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya akan mengambil masa yang singkat sahaja dalam memberi pandangan yang sekali gus saya menyokong cadangan untuk pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji secara menyeluruh, secara rambang, kita dapati rata-rata di seluruh negara ini masih didapati lagi perkhidmatan kereta sewa sapu ataupun teksi sapu. Ini menunjukkan bahawa di seluruh negara masih memerlukan lagi perkhidmatan teksi ini yang mana kita dapati ramai penduduk-penduduk kita, rakyat kita yang ingin menjadi pengusaha dalam sektor perkhidmatan ini. Jadi kebanyakannya yang terlibat merupakan bekas-bekas pemandu, bekas-bekas pemandu teksi, bekas-bekas anggota tentera dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, kalau ditanya kenapa mereka memandu ataupun berusaha secara tidak sah. Jawapannya mengatakan bahawa mereka telah memohon tetapi disebabkan oleh pembekuan maka lesen tidak dapat diberikan kepada mereka, permohonan mereka tidak diluluskan. Jadi sehubungan itu, saya memohon kepada Kementerian supaya mengkaji semula tentang keperluan perkhidmatan ini supaya mereka yang terlibat dapat diberi peluang bersama-sama rakan-rakan yang lain untuk mencari rezeki di bumi Malaysia ini.

Di samping itu juga kita dapati bahawa kebanyakan pejabat memproses, Lembaga ini terlalu jauh. Misalnya kalau di negeri saya, di Kangar terpaksa datang ke Sungai Petani bererti terlalu jauh, terpaksa melintas dua buah negeri dan kalau ditanya "adakah tuan berulang ke Kangar?", dia kata "kalau hendak ulang, kurus badan saya" kerana terlalu jauh berulang-alik.

Jadi kita pohon supaya diadakan lebih banyak lagi pejabat-pejabat Lembaga ini. Di samping itu juga, saya memohonlah supaya pihak Kementerian dapat memberi keutamaan terutama sekali untuk lesen-lesen teksi kereta sewa kepada bekas-bekas anggota tentera. Kerana bekas-bekas anggota tentera merupakan golongan yang pencen awal, pencen tidak sampai umur 50 tahun. Mereka ini kebanyakannya apabila lepas perkhidmatan tentera tidak tahu apa kerja yang sesuai dengan mereka dan kebanyakannya tertumpu kepada bidang pengangkutan ini. Oleh kerana mereka ini merupakan golongan yang muda, maka saya memohon jasa baik Kementerian supaya lesen dapat diberi kepada individu anggota tentera, bukan kepada koperasi sahaja. Di samping itu, tiap-tiap lesen individu ini boleh diganti dengan dua pemandu gantian. Di samping itu juga, tidak ketinggalan keutamaan juga diberi kepada koperasi anggota tentera ataupun bekas tentera dan juga kepada koperasi-koperasi bekas polis. Bekas polis, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu diberi keutamaan untuk individu bekas polis kerana kebanyakan bekas polis pencen pada usia 50 tahun ke atas, anggota tentera sealnya pada 40 tahun dan masa untuk cari rezeki terlalu panjang bagi mereka.

Jadi, di samping koperasi-koperasi ini juga perlulah diberi kepada koperasi-koperasi yang lain yang sama kerana ini merupakan hajat ataupun hasrat kerajaan kita supaya rakyat bersatu di bawah koperasi dan koperasi-koperasi perlu diberi keutamaan di samping syarikat-syarikat berhad.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ditinjau lagi di seluruh negara, pada masa ini tumbuh banyak pengusaha yang menjalankan perniagaan kereta sewa pandu sendiri. Perkara ini juga patut diteliti oleh pihak Kementerian kerana kereta sewa dipandu sendiri ini patut dikaji sama ada dari segi insurannya melindungi pemandu yang menyewa ataupun orang-orang yang menyewa kenderaan ini. Kerana kalau ditinjau di

Perlis didapati ada kereta sewa ini yang disewa di Sungai Petani tetapi diburu oleh polis kerana disewa oleh penjenayah dan ditembak oleh polis di Kuala Perlis. Begitu juga di Perlis ini biasa berlaku kereta sewa dipandu ataupun disewa oleh pengedar-pengedar dadah. Jadi, dari segi keselamatan dalam negara ini, perkara ini juga patut diteliti.

Tidak ketinggalan juga isu-isu semasa yang berkait dengan bas sekolah kerana kelalaian pengusaha-pengusaha ataupun pemandu-pemandu bas sekolah. Kalaulah kita dapat wujudkan sikap kepuasan untuk pelanggan, apa usaha baik teksi ataupun bas, bas sekolah kita dapati pengguna akan berpuas hati dan kurang sekali rungutan kalau pendekatan ini dapat kita terapkan dalam bidang usahawan pengangkutan ini.

Bas sekolah kita dapati, kalau di Kuala Lumpur pernah berlaku peristiwa bas sekolah melanggar penumpang kanak-kanak. Ini kerana pihak pemandu itu lebih menjaga bas daripada menjaga keselamatan kanak-kanak. Perkara inilah perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian untuk meyakinkan ibu bapa bahawa anak-anak mereka selamat pergi ke sekolah dan selamat pulang ke rumah, jangan selamat pulang kerahmatullah.

Yang inilah saya menyeru dan tiap-tiap bas sekolah perlulah mengadakan, mesti ada kelindan bersama untuk menjaga keselamatan kanak-kanak ini, kalau tidak ada kelindan pun, pemandu sendiri patut menggunakan sedikit masa untuk menjaga keselamatan kanak-kanak ini. Dan di samping itu juga, baru-baru ini kita dapati bas sekolah terjatuh, saya tidak pasti di mana, tetapi di sekitar Kuala Lumpur di mana kita dapati pemandunya merupakan pemandu yang kena penyakit Epilepsy, gila babi, saya sebut gila babi, setengah kata gila khinzir, tak taulah, perlulah diambil kelulusan dari segi keselamatan pemandu itu, kesihatan pemandu, untuk menjamin keyakinan ibu bapa tentang anak-anak mereka ini akan selamat, ke sekolah.

Dan di samping itu juga bas sekolah ini juga, kadang-kadang ada yang mengugut ibu bapa tentang kenaikan tambang dan sebagainya. Perkara ini samalah dengan pemandu teksi yang perlu diteliti dari masa ke semasa. Oleh kerana bas merupakan satu pengangkutan umum bagi seluruh negara dan bukan sahaja di bandar-bandar besar kita hadapi masalah, malah di bandar-bandar kecil, di Perlis sendiri pun kita dapati bas tidak masuk ke taman-taman, bas hanya melalui jalan besar sahaja dan kadangkala kita dapati bahawa taman-taman perumahan lebih kurang satu kilometer ataupun setengah kilometer daripada jalan laluan bas.

Oleh kerana masalah timbul maka sukacitalah saya menyeru kepada kementerian supaya dapat mempertimbangkan supaya di bandar-bandar kecil pun dapat diwujudkan perkhidmatan bas perantaraan, bas kecil yang muatannya lapan orang ataupun lebih, kerana di bandar-bandar kecil bukan semua orang mampu untuk mempunyai kenderaan sendiri. Kita dapati orang-orang tua, kanak-kanak dan sebagainya sangat memerlukan perkhidmatan seperti ini. Di samping bas-bas perantaraan ini, bas-bas kilang yang akan ditukar menjadi bas pekerja nanti, patutlah dipertingkatkan dari segi pentingnya disiplin jalan raya di kalangan pemandu-pemandunya, kerana masa-masa lepas kita dapati ramai pekerja-pekerja kilang hilang nyawa disebabkan oleh kelalaian pemandu-pemandu bas kilang ini hingga kadang-kadang kereta api pun dia rempuh. Di Kedah dia langgar kereta api dan ada tempat-tempat lain pun macam-macam yang dia langgar.

Jadi sebab itulah saya minta supaya perkara ini dikaji semula dan di samping itu juga tentang perkhidmatan lori dan sebagainya, kita dapati banyaklah perkhidmatan lori yang tidak mengikut syarat-syarat pengangkutan. Di samping itu, misalnya ada lori-lori yang membawa tanah dan sebagainya tidak ditutup dengan kanvas dengan kuat, menyebabkan batu berterbangan dan memberi kecelakaan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bas ekspres, saya mohon supaya dipertingkatkan lagi mutu perkhidmatan terutama sekali dari segi ketepatan masa ataupun ikut jadual seperti yang disarankan oleh rakan-rakan yang lain dan tiap-tiap bas ekspres biasanya

ada tandas. Pengguna merungut bahawa tandas-tandas ini kadang-kadang tidak boleh digunakan dan kalau boleh digunakan, bau busuk dan tidak dicuci. Dan laluan bas-bas ekspres ini juga diminta supaya berhenti pada waktu-waktu di mana orang-orang Islam dituntut menunaikan solat di tempat-tempat atau laluan-laluan yang boleh memberi peluang kepada pengguna-pengguna ini untuk sama-sama beribadat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saranan saya dan saya harap supaya kementerian dapat mempertimbangkan rungutan dari rakan-rakan saya di kawasan dan juga rakan-rakan saya yang sama-sama menimbulkan masalah ini untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian menjawab.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pindaan Akta LPKP 1998 iaitu Yang Berhormat dari Senai, Gelang Patah, Bintulu, Seremban, Kepong dan Kangar. Saya lihat sikap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian amatlah prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh kementerian dan kementerian juga mengambil sikap yang sama untuk menangani masalah-masalah dalam perkhidmatan pengangkutan awam, khususnya pengangkutan darat. Di kementerian kita memastikan bahawa kita ingin mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan kenderaan awam iaitu pengangkutan darat.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki lagi mutu sistem pengangkutan kenderaan awam di negara kita yang kita cintai ini. Dan apabila saya mendengar saranan-saranan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi saya nampak kebanyakannya adalah merupakan saranan-saranan yang ikhlas untuk melihat satu perkhidmatan awam di negara kita ini akan menjadi satu perkhidmatan yang lebih baik. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada mereka.

Rata-rata orang menyatakan tentang perkhidmatan bas awam, perkhidmatan bas ekspres. Yang mustahaknya Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bas itu ada tiga ciri yang mereka harus ikuti iaitu ianya harus mengikuti masa, ianya mengikuti kekerapan, ada kekerapannya dan juga selesa kepada penumpang-penumpang. Inilah ciri-ciri yang digunakan oleh kementerian untuk mengukur perkhidmatan bas yang ada masa kini. Dan sememangnya kementerian mengetahui dan kementerian masih lagi tidak puas hati dengan perkhidmatan bas-bas yang ada masa kini. Sebab itulah kementerian dari masa ke semasa memanggil bukan hanya Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi juga memanggil pengusaha-pengusaha dan pengguna-pengguna berbincang dengan mereka. Kementerian juga telah mewujudkan badan penasihat pengguna-pengguna bas dan juga lori dengan kerjasama Pan-Malayan Bus Association dan juga dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban tadi, iaitu jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun lalu dan sentiasa berjumpa untuk memastikan supaya perkhidmatan bas dan juga lori di negara kita ini akan menjadi satu perkhidmatan yang bertambah baik.

Sebab itulah untuk memastikan perkhidmatan bas itu bertambah baik, kementerian telah mengadakan beberapa cara, di antaranya ialah isu penggabungan bas-bas. Dan sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri semalam dan beberapa kali sebelum daripada ini, sebenarnya tidak ada perkhidmatan monopoli bas di Kuala Lumpur ini, kerana di samping Intrakota ada perkhidmatan Park May, ada perkhidmatan Len Seng dan ada perkhidmatan bas Metro di bandaraya yang saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tinggal di Kuala Lumpur pun sedia maklum.

Walau bagaimanapun, Kepong ada menyatakan tadi bahawa bas-bas ini kebanyakannya besar-besar, tetapi mungkin Yang Berhormat dari Kepong tidak

nampak, yang ada, di samping Mega Rider ada juga Pekan Rider, yang kecil sedikit. Tetapi jika Yang Berhormat, memikirkan yang Pekan Rider itu yang masih tidak cukup kecil lagi, ini juga boleh kita sarankan kepada mereka, mungkin mereka boleh memperkecilkan lagi, adakan Mini Pekan Rider, dengan izin, mungkin itu Yang Berhormat maksudkan. Ini boleh kita sarankan kepada mereka supaya kawasan-kawasan di Kepong itu akan mendapat perkhidmatan bas yang baik, itu yang saya rasa Yang Berhormat hendakkan.

Tetapi kita juga perlu faham bahawa perkhidmatan bas ini tidak semestinya bila ada perkhidmatan bas yang akan boleh pergi ke seluruh jalan-jalan kecil, kerana mengikut piawaian perkhidmatan bas, kita pastikan orang yang menggunakan perkhidmatan bas itu tidak perlu berjalan lebih daripada 400 meter. Jadi, mungkin dari masa ke semasa kementerian akan menukar laluan-laluan bas itu supaya kita dapat menyelaraskan laluan-laluan bas ini supaya menjadi laluan-laluan yang lebih boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik dari masa ke semasa. Ini perkhidmatan laluan boleh dipinda, dalam asas ianya tidak jauh, orang itu tidak perlu berjalan lebih dari 400 meter daripada rumah asalnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, apakah masalah sekiranya pihak bas mini boleh masuk ke jalan itu dan perkhidmatan diberikan selama 23 tahun dan tiba-tiba dengan pekan rider ini tidak dapat masuk ke dalam dan perkhidmatan diberhentikan. 23 tahun bukan masa yang pendek, apa masalahnya, sebab sebelum kita mengambil alih perkhidmatan ini mesti kita kaji semua aspek?

Dato' Idris bin Jusoh: Ini, Yang Berhormat dari Kepong, bila kita kaji tu kita dapati laluan- itu mungkin satu laluan yang kurang baik untuk semua penumpang. Apabila kita membuat kajian, bukan hanya kajian untuk lorong dekat rumah Yang Berhormat saja, mungkin ada lorong-lorong lain yang lebih ramai penumpang yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut. Jadi jika adanya penyelarasan laluan, ianya untuk kebaikan pengguna-pengguna bukan untuk kebaikan syarikat pengusaha sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Singkat sahaja. Penjelasan, Yang Berhormat tidak begitu faham, kerana jawapan daripada pihak bas itu tunggu sampai jalan itu diperbesarkan baru hendak masuk, bukan kerana masalah 400 meter ataupun perkhidmatan itu hendak diubah untuk menyesuaikan bagi keselesaan penumpang-penumpang bukan, kerana jalan sempit.

Dato' Idris bin Jusoh: Saya memberi jawapan tadi untuk jawapan keseluruhan, jika ada contoh-contoh spesifik, bolehlah Yang Berhormat kemukakan kepada kementerian dan kita akan majukan kepada syarikat. Kalau tadi, Intrakota tulislah Intrakota, kalau Park May, Park May, kalau Len Seng, Len Seng, dan Metro, Metrolah dan sebab itulah kita pastikan waktu turut memastikan masa kini ada terlalu banyak bilangan bas ekspres. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terlalu banyak bilangan bas ekspres, iaitu 209 syarikat kesemuanya dan bas berhenti-henti sebanyak 245, kawalan tidak dapat dijalankan dengan baik dan tidak ada economic of scale dengan izin, untuk perkhidmatan mereka itu dijalankan dengan baik. Sebab itulah adanya usaha-usaha penggabungan yang sedang dilakukan oleh kementerian, di mana untuk syarikat katakanlah untuk syarikat bas-bas ekspres, kita lihat sudah ada penggabungan, Park May Berhad juga telah bergabung dan juga MARA dengan nama Transnasionalnya telah bergabung di mana kerajaan telah memutuskan bahawa laluan ekspres Utara-Selatan daripada Kangar ke Johor Bahru itu diserahkan kepada dua syarikat tersebut dan gabungan ini juga kita akan selaraskan di mana kita akan mengenalpasti adanya laluan-laluan inter-state dengan izin, ataupun laluan-laluan antara negeri-negeri dan laluan-laluan di dalam negeri itu sendiri dan kita akan pastikan juga setiap laluan itu tadi tidak akan lebih daripada dua ataupun tiga pengusaha yang mengusahakan laluan-laluan tersebut untuk memastikan supaya mereka dapat beroperasi dengan ekonomik kerana masa kini ada laluan-laluan yang dilalui oleh hampir 14 orang/buah pengusaha, jadi laluan-laluan itu tidak ekonomik dan

ini menyebabkan mereka tidak dapat membekalkan perkhidmatan yang baik kepada pengguna-pengguna.

Soalan yang sering ditanyakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan permohonan lori masa kini dan mengapa ramai orang tidak mendapat, tidak berjaya di dalam permohonan mereka. Sebenarnya mengikut kajian yang telah dibuat oleh kementerian, mereka yang tidak berjaya, segolongan besarnya, tidak dapat menunjukkan bukti, adanya modal untuk membeli sekurang-kurangnya untuk membayar 'down payment' untuk lori yang mereka pohon itu dan lainnya tidak dapat menunjukkan keperluan adanya permintaan untuk perkhidmatan tersebut dan yang ketiganya mereka tidak sedikit pun menunjukkan inisiatif kerana ada antara mereka tidak mahu datang apabila kita panggil untuk temuduga. Sehingga kini ada 112,599 buah lori 'A' yang telah dikeluarkan lesennya dan untuk lori 'C' ada 64,529 buah semuanya.

Satu perkara juga yang amat popular ialah mengatakan adanya golongan orang tengah yang memastikan masalah-masalah tadi berlaku di mana permohonan tidak berjaya dan sebagainya. Sebenarnya, kementerian bersikap 'serius' tentang perkara ini, di mana jika ada tuduhan-tuduhan, sila kemukakan tuduhan itu kepada kementerian ataupun boleh membuat laporan terus kepada BPR jika dirasakan perkara-perkara ini berlaku di kementerian. Memang kita ingin pastikan yang perkara-perkara itu tidak berlaku di kementerian dan untuk memastikan kehormatan kementerian itu sendiri dan juga kepercayaan orang terhadap kerajaan itu tidak akan terjejas.

Yang Berhormat dari Seremban tadi mengatakan adanya permit sementara, sebenarnya tidak ada permit sementara di kementerian, yang ada mungkin surat kelulusan yang telah diberi kepada pengusaha-pengusaha yang berjaya di mana ianya akan ditukar menjadi permit kepada pengusaha itu apabila mereka telah membeli kenderaan mereka dan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian dan telah membuat pemeriksaan dengan Puspakom.

Berkenaan dengan asap hitam yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi dan juga kotak hitam, dia suka hitam, pasal apa, saya pun tak tahu?

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat, saya minta penjelasan, tentang kelulusan permit ini, lepas lori itu didaftarkan dan diperiksa oleh Puspakom, boleh beritahu berapa lama untuk menentukan permit supaya dapat memohon dapat cukai jalan. Agak berapa lama ini?

Dato' Idris bin Jusoh: Sebenarnya, kita akan pastikan yang masalah itu tidak akan mengambil masa yang begitu lama, mungkin dalam masa dua minggu dan sekurang-kurangnya tidak lebih daripada tarikh tersebut, tetapi suka juga saya memberi peringatan di sini, di LPKP masa kini menjadi satu tempat yang amat popular sekurang-kurangnya sebelum kita dilanda kemelesetan ekonomi baru-baru ini. Saya perlu menjawab ini kerana ada orang mengatakan yang juga satu soalan yang agak popular, yang mengatakan pemerosesan di LPKP ini begitu lambat. Pada tahun 1997, kita mendapat 50,000 lebih permohonan baru iaitu peningkatan 16% dibandingkan dengan tahun 1996, tanpa penambahan kakitangan di LPKP dan untuk mengatasi masalah ini kita sedang mengadakan satu 'work flow system' ataupun sistem aliran kerja yang akan dikomputerkan yang masa kini, pembangunan sistemnya telah selesai dan ia berada dalam peringkat ujian. Insyallah, apabila sistem ini dilaksanakan pada bulan Julai, secara berperingkat yang akan dimulakan dengan peringkat Wilayah Tengah, masalah-masalah kelambatan pemerosesan itu, kita harap akan dapat dipercepatkan, akan dapat diselesaikan.

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun pula, Yang Berhormat, nak bagi jalan pula ke?

Dato' Idris bin Jusoh: Bolehlah, lagi sekali.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, cuma nak tanya, oleh kerana kekurangan kakitangan dan sebagainya, memandangkan bilangan pemohon yang begitu banyak, sama ada ini logikal untuk terus memberikan permit bukan segi kelulusan saja, sama ada boleh terus memberikan permit supaya mereka boleh dapat daftarkan kereta dan periksa Puspakom dan sebagainya dan juga bayaran 'road tax' sekali gus?

Dato' Idris bin Jusoh: Apabila permit diberi sekali gus ada banyak masalah yang berlaku, kadangkala permit itu tidak dilesenkan kerana ada mereka yang tidak melesenkan permit mereka serta merta dan ini mengakibatkan masalah-masalah data di kementerian. Oleh sebab itulah kementerian menggunakan surat kelulusan pada peringkat awalnya dan apabila telah didaftarkan permit asalnya akan diberi kepada pengusaha-pengusaha tersebut. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan memastikan di masa-masa yang akan datang agar proses itu akan dapat dipendekkan untuk kebaikan pengusaha-pengusaha keseluruhannya.

Saya tadi sedang berkata tentang asap hitam, kotak hitam dan juga alat had laju yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Sebenarnya Kementerian Pembangunan Usahawan tidak mempunyai jurisdiksi tentang perkara-perkara ini, ianya adalah dibawah jurisdiksi Kementerian Pengangkutan. Sekarang ini kita hendak memastikan agar perkhidmatan teksi itu menjadi satu perkhidmatan yang baik dan saya mengakulah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi di Terminal 3 memang ada pemandu-pemandu teksi yang tidak menggunakan meter. Tetapi oleh kerana di kementerian kita hanya ada 17 orang penguatkuasa yang bukan hanya letaknya di Kuala Lumpur tetapi diagih-agihkan kepada semua wilayah, Wilayah Utara, Wilayah Timur dan Wilayah Selatan, kemampuan kita untuk menguatkuasakan, ini adalah agak terhad. Walau bagaimanapun menjelma Sukom, kita pastikan bulan Mei ini penguatkuasaan akan diadakan selama 1 minggu setiap bulan Mei, Jun dan Julai. Dan apabila bulan Ogos, penguatkuasaan akan diadakan selama 3 minggu pada bulan tersebut. Sehingga kini kita telah menangkap, menahan dan menarik balik lebih daripada 324 dengan lesen yang telah dibatalkan kerana keengganan pemandu-pemandu menggunakan meter, mengenakan charge berlebihan dan juga enggan mengambil penumpang.

Cadangan Yang Berhormat dari Kepong yang mengatakan perlunya ada masa yang lebih anjal untuk pemandu-pemandu, memang ini kita telah berbincang dengan pihak penganjur kursus pada minggu yang lalu dan mereka telah bersetuju untuk melaksanakan masa anjal kursus tersebut, di mana ada pemandu-pemandu mungkin antara mereka yang hanya perlu untuk mengikuti kursus-kursus pada akhir minggu sahaja, bermakna mereka berkursus pada tiap hari Ahad. Jadi dalam masa 6 minggu mereka akan tamat kursus, enam kali lapan, lapan jam satu hari, mereka akan tamat kursus. Begitu juga pemandu-pemandu yang lain, ada pemandu-pemandu yang mungkin ingin berkursus di waktu pagi, mereka boleh berkursus pada waktu pagi dan bekerja pada waktu petang, empat jam atau dua jam di waktu pagi. Dan telah ada dua, tiga syarikat yang telah menggunakan cara yang sedemikian uantuk tidak membebankan kepada pemandu-pemandu. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah bersetuju untuk menyokong kursus, latihan-latihan yang sedang dikenakan kepada pemandu-pemandu.

Juga dibangkitkan tentang kajian menyeluruh perkhidmatan teksi, bas dan juga lori di negara kita. Sebenarnya kajian telah diadakan tentang perkhidmatan teksi pada tahun 1996 dan kelangsungan daripada kajian itulah kerajaan telah mengambil beberapa sikap untuk memastikan perkhidmatan teksi ini akan menjadi bertambah baik, di antaranya kita pastikan teksi-teksi yang umurnya lebih dari 7 tahun itu tidak lagi beroperasi di jalan-jalan raya. Kita melihat sekarang pemandu-pemandu teksi sudah memakai uniformnya, kita melihat yang penggunaan meter telah menjadi

bertambah baik, kita melihat juga pengusaha-pengusaha telah membayar EPF kepada pemandu-pemandu mereka dan pemandu-pemandu juga diberi cuti selama 12 hari di samping diberi perlindungan insurans kemalangan kepada setiap pemandu. Dan terma-terma, syarat perkhidmatan di antara pemandu dan pengusaha ini akan diteliti oleh kementerian dari masa ke masa. Dan syarat-syarat ini telah pun dilaksanakan kepada lapan buah syarikat teksi yang mana baru-baru ini kementerian telah memberi tambahan permit kepada mereka.

Mengenai bas di Kuala Lumpur pula, satu kajian sedang dijalankan oleh ITM masa kini yang akan siap dalam masa dua bulan lagi dan, insya-Allah, apabila siap kajian itu, kita harap akan dapat cadangan-cadangan yang lebih baik daripada mereka.

Cerita kereta sewa sapu ini oleh Yang Berhormat dari Kangar, sebenarnya baru-baru ini kementerian sudah membuka kebekuan permohonan permit tersebut, memang dahulunya kita membekukan buat sementara waktu. Antara permit-permit yang telah dibekukan ialah permit untuk bas ekspres, permit untuk bas henti-henti dan permit untuk teksi. Tetapi yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kangar itu ialah permit untuk kereta sewa iaitu kereta yang beroperasi selain dari bandar-bandar seperti bandar Kuala Lumpur, Penang dan juga bandar Johor Bahru. Ianya telah dicairkan baru-baru ini dan kita telah pun menerima permohonan.

Berhubung dengan pejabat yang agak jauh yang mana dikatakan orang dari Perlis perlu datang jauh ke Kangar, sememangnya jauh sedikit, kena pergi ke Sungai Petani dan oleh kerana masalah masa kini saya rasa kita tidak mampu untuk membuka pejabat-pejabat yang lain kerana ini melibatkan kakitangan, penambahan kakitangan. Insya-Allah, pada masa-masa yang akan datang dengan penggunaan IT, mungkin Yang Berhormat boleh menasihati orang-orang di Perlis menggunakan IT, pembaharuan lesen dan sebagainya boleh digunakan dengan menggunakan elektronik kiosk, mungkin di Kangar boleh buat empat, lima supaya orang di Perlis itu tidak perlu jalan jauh. Inilah apa yang berlaku di LPKP sendiri di mana kita akan pastikan selaras dengan sistem aliran kerja yang kita komputerisasikan agar permohonan di masa-masa yang akan datang juga akan dapat diselaraskan dengan menggunakan kecanggihan teknologi masa kini.

Soalan-soalan lain akan kita ambil kira yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kangar tadi, tandas bas ekspres juga akan kita teliti supaya tandas-tandas dalam bas itu akan dapat dipergunakan dan berbau wangi kata Yang Berhormat dari Maran.

Yang Berhormat dari Bintulu juga telah menyarankan supaya diadakan tambahan-tambahan cawangan LPKP. Buat masa ini tambahan-tambahan itu sedang dikaji tetapi sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Perlis tadi ianya akan kita tinjau tetapi buat masa terdekat ini ianya tidak boleh kita laksanakan kerana masalah ekonomi yang sedang melanda negara kita. Dan juga ada beberapa lagi cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bintulu, ianya akan diambil perhatian oleh kementerian.

Yang Berhormat dari Senai juga telah membangkitkan mengenai perkhidmatan teksi ke Singapura. Pada masa ini ada 200 teksi Malaysia yang telah diberi kebenaran untuk menjalankan perkhidmatan ke sana melalui tambak Johor dan dengan pembukaan laluan kedua, kementerian telah meluluskan 100 lagi permit teksi tambahan khususnya untuk laluan kedua. Teksi-teksi ini berpangkalan di bandaraya Johor Bahru, Kompleks Kastam, Imigresen dan kuarantin Gelang Patah dan Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai.

Mengenai dengan cadangan

Tuan Yang di-Pertua: Senai bangun, Yang Berhormat.

Datuk Lim Si Cheng: Permintaan saya supaya teksi untuk Lapangan Terbang Senai ke Singapura dapat ditambahkan. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Idris bin Jusoh: Oleh kerana apa yang kita katakan tadi 100 permit tambahan telah diberi kepada sebuah syarikat yang sudah beroperasi di Lapangan Terbang Senai. Walau bagaimanapun, kita akan melihat perkembangan yang sedang berjalan masa kini. Pertimbangan dan perhatian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan diambil kira.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang telah membahaskan Rang Undang-Undang LPKP 1998 dan kita harap dengan adanya pindaan ini perkhidmatan LPKP akan menjadi lebih cemerlang di masa-masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 30 -

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, di muka surat 3 naskhah bahasa Malaysia - (f) "bas persiaran" itu tidak betul. Tukarkan kepada "pesiaran". Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Hendak jawabkah? Soal bahasa dia pakar bahasa Melayu. Sila, adakah hendak jawab apa-apa mengenai perkara itu?

Dato' Idris bin Jusoh: Sebenarnya telah mendapat kelulusan daripada pakar bahasa untuk menggunakan perkataan "bas persiaran".

Dr. Tan Seng Giaw: Ejaan itu salah, tidak ada 'r'. Saya bukan pakar, cuma itu dari segi amalan sahaja.

Seorang Ahli: Merapu sahaja.

Tuan Pengerusi: Tidak ada 'r' - "pesiaran". Bagaimana, saya rasa jikalau sekiranya Yang Berhormat bersetuju ejaan itu silap, akan dibetulkan oleh Setiausaha Dewan. Yang Berhormat, Setiausaha Dewan ada kuasa untuk membetulkan kesilapan ejaan dan sebagainya ataupun kerana perkara ini kita musykil. Yang demikian kita biarkan kepada Setiausaha Dewan hendak membetulkan jikalau sekiranya silap.

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31 -

Dato' Idris bin Jusoh: Ada sedikit pindaan, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan pindaan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum seperti berikut:-

Rang Undang-undang adalah dipinda dalam subseksyen 51A(1) yang dicadangkan dalam Fasal 31 dengan memasukkan sebelum perkataan "bagi maksud" perkataan "atau Pegawai Lembaga".

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan kepada subseksyen 51A (1) seperti yang telah dikemukakan tadi terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi: *Ahli-ahli Yang Berhormat, subseksyen 51A (1) seperti yang telah dipinda hendaklah diluluskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang adalah dipinda dalam subseksyen 51A(1) yang dicadangkan dalam Fasal 31 dengan memasukkan sebelum perkataan "bagi maksud" perkataan "atau Pegawai Lembaga".

The English translation is as follows:-

This Bill is amended in subsection 51A (1) proposed in Clause 31 by inserting before the words "to ascertain" the words "or a Board Officer".

Fasal 31 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERSARAAN GURU-GURU (SABAH) (PEMBUBARAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah) untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah) dan membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusannya dan mengantikan dengan akta yang baru iaitu Akta Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998 bagi membolehkan penurunan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga dipindahkan kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (Sabah) (STSF) telah ditubuhkan pada tahun 1963 dan beroperasi mulai 1 Januari 1963 di bawah Teachers' Superannuation Ordinance, 1963 mengikut seksyen 3 Ordinan tersebut. Tujuan STSF ditubuhkan ialah:-

- (i) menyediakan ganjaran, elaun-elaun persaraan kepada pencarum; dan
- (ii) menyediakan ganjaran atau pencen kepada balu dan anak-anak yatim piatu.

Apabila Skim Aziz dipanjangkan ke Sabah, ramai guru-guru Unified Teachers Service (UTS) di Sabah telah membuat opsyen memilih masuk ke Skim Aziz.

Dengan itu, mereka terkeluar dari STSF dan bertukar menjadi pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP dan memindahkan caruman masing-masing dan caruman bahagian majikan serta faedah dengan STSF kepada

KWSP. Walau bagaimanapun, terdapat 18 orang guru UTS yang telah bersara dan terus memiliki faedah di bawah STSF. Sehingga kini 7 orang telah meninggal dunia dan 11 orang pesara sahaja yang masih hidup. Kesemua mereka sudah berusia lanjut iaitu melebihi 96 tahun. Berdasarkan laporan aktuari yang dilantik oleh kerajaan Sabah pada Ogos 1996, kos perbelanjaan bagi pesara-pesara tersebut, 12 orang yang masih hidup dan 6 orang yang telah meninggal dunia - sehingga 31 Disember 1995 ialah sebanyak RM1,010,563.00 jika bayaran ganjaran dibuat sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, melalui akta yang baru ini kesemua pesara tersebut ada waris terdekat dan bagi yang telah meninggal dunia akan dibayar jumlah ganjaran sekali gus. Di samping itu, mereka juga akan menikmati kenaikan bayaran tambahan sebanyak 40% pada amaun yang disyorkan oleh pihak aktuari pada setiap individu. Ini memandangkan tiada apa-apa kenaikan elaun persaraan sejak 20 tahun yang lalu, akibat tiada peruntukan untuk kajian semula elaun di dalam Ordinan 1963 tersebut. Dengan itu mereka akan menerima di antara RM60,000 sehingga RM150,00 seorang. Sepertimana telah diputuskan bagi wang lebihan STSF akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 14 fasal. Fasal 3 dan 4 memperuntukkan kuasa bagi menggubalkan lembaga, dan kumpulan wang dan bagi penurunan kuasa hak keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi lembaga kepada kerajaan.

Fasal 5 dan 6 memperuntukkan bagi pemindahan semua harta tak alih dan aset lain serta kumpulan wang kepada kerajaan.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bagi pembayaran amaun pencen pukal kepada seseorang iaitu pada 15hb Februari 1983, orang yang layak dan amaun pukal itu hendaklah dibayar daripada wang yang disebut dalam seksen 6.

Fasal 10 mengadakan peruntukan bahawa apa-apa bayaran yang boleh dibuat tanpa probet atau surat kuasa pentadbir di bawah akta yang dicadangkan kepada orang-orang tanggungan, orang yang layak yang sudah mati.

Fasal 11 mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat dengan suci hati hendaklah menjadi pelepasan sepenuhnya segala liabiliti kerajaan di bawah Ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa rang undang-undang yang dikemukakan ini mencadangkan beberapa peruntukan yang bertujuan untuk memperkemaskan pelaksanaan oleh pihak kerajaan berikutan dengan pembubaran STSF.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah), untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tawau.

5.25 ptg

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru (Sabah) (Pembubaran) 1998 seperti yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Untuk meneliti dan mengupas permasalahan yang berhubung kait dengan rang undang-undang ini, saya ingin merujuk kembali sejarah pengwujudan Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru (Sabah) atau Sabah Teachers' Superannuation Fund. Saya fikir ini penting oleh kerana tanpa merujuk kepada sejarah kewujudannya tidak mungkin kita dapat mengambil keputusan yang adil bagi pencarum-pencarum yang terlibat.

Kumpulan Wang Persaraan ini ditubuhkan pada 1hb Januari 1963 dengan tujuan untuk membayar elaun pencen, gratuity dan wang persaraan kepada guru-guru yang tertakluk di bawah perkhidmatan UTS atau "Unified Teachers' Scheme" apabila mereka bersara nanti. Kumpulan Wang ini juga secara tidak langsung memberi kebaikan kepada ahli-ahli keluarga guru berkenaan seperti isteri, anak-anak serta orang-orang yang bergantung hidup kepada guru-guru yang mencarum dalam tabung ini. Kumpulan Wang ini telah ditubuhkan sebelum guru-guru UTS ini mempunyai pilihan untuk mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP iaitu dari tahun 1974.

Selepas tahun 1974 satu peraturan baru diperkenalkan iaitu semua guru-guru UTS dimestikan untuk mencarum ke dalam Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, kecuali hanya 20 orang guru yang terpaksa bersara pada waktu itu (1974) iaitu selaras dengan Skim Aziz. Walaupun selepas 25 tahun iaitu dari 1974 sehingga 1998 selepas pemberhentian Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) ini tidak ada sebarang usaha yang diketahui untuk meneliti semula jumlah elaun yang diberi kepada guru-guru yang bersara ini atau ahli keluarga yang menerima wang pencen tersebut bagi pihak guru berkenaan. Ini terjadi walaupun kesatuan guru-guru yang berkenaan telah memperjuangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini hanya terdapat 11 orang pencarum dalam Kumpulan Wang Persaraan ini menerima hanya antara RM90.00 hingga RM190.00 sebulan. Jumlah ini adalah satu jumlah yang "unreasonable, unrealistic" dan tidak adil. Pembayaran sejumlah itu sebulan bagi pesara selama 25 tahun tanpa semakan semula skim pencen ini, adalah suatu yang amat menyedihkan, walaupun guru-guru atau tanggungan mereka terpaksa menghadapi kos hidup yang semakin tinggi. Dari segi demografi seramai 11 orang bekas pencarum, sebahagian besarnya telah berumur 70 tahun ke atas dan kini terpaksa membuat kerja-kerja kampung untuk menampung keperluan hidup harian mereka. Saya difahamkan salah seorang daripada pesara ini terpaksa menjual tiket-tiket loteri untuk menampung keperluan hidupnya selepas bersara. Ini adalah satu fenomena yang sangat menyedihkan. Selepas mereka menyumbang sebahagian besar dari hidup mereka untuk pembangunan pendidikan di negeri Sabah, kejadian seumpama ini adalah memalukan. Saya fikir bahawa dalam masa kita mengwujudkan masyarakat penyayang atau "caring-society" adalah wajar kerajaan memberikan penghargaan, pengiktirafan serta membalas budi masyarakat tua terutama kumpulan guru-guru yang menjadi perintis kepada pembangunan pendidikan di Sabah.

Kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini ianya dapat membuka peluang kepada kerajaan untuk menyemak semula jumlah pencen yang diterima oleh para pesara supaya dapat ditambah bagi menampung kos sara hidup bekas-bekas pencarum atau pesara-pesara guru ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan kumpulan wang persaraan guru-guru ini telah mencapai RM11.6 juta sebelum pembubaran ini. Jumlah ini yang dahulunya terakru kepada Kerajaan Negeri Sabah adalah hasil pulangan bunga bagi caruman. Jumlah yang tidak dituntut dan yang penting ialah hasil daripada keuntungan pelaburan wang oleh para pencarum yang terlibat.

Saya mencadangkan agar jumlah lebihan ini digunakan untuk membayar sebarang jumlah semakan pencen bulanan para pesara guru-guru atau tanggungan mereka yang kini berada dalam kesempitan. Saya berpendapat masanya telah sampai agar kementerian yang berkenaan dapat meneliti dan menyemak semula supaya satu

Tabung Amanah Pendidikan atau Educational Trust Fund dapat ditubuhkan sepertimana yang dicadangkan oleh Kesatuan Guru-guru UTS Sabah ini.

Saya mencadangkan agar tabung amanah pendidikan ini diselenggarakan oleh agensi kerajaan negeri misalnya oleh Yayasan Sabah atau di bawah kelolaan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri memandangkan bahawa sejumlah lebih wang yang banyak ini adalah hasil caruman guru-guru dari Sabah sejak lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa keadaan infrastruktur pendidikan di Sabah masih lagi memerlukan banyak penambahan. Saya yakin dengan adanya tabung amanah pendidikan dengan menggunakan wang daripada kumpulan persaraan sebagai sumbangan pertama ini akan membantu sekolah-sekolah khususnya di luar bandar untuk meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar-pelajar terutama di masa negara kita menghadapi kegawatan ekonomi.

Saya mencadangkan agar tabung amanah pendidikan ini digunakan seperti berikut:

- (i) jumlah terimaan pencen kepada 11 orang pencarum ditambah antara RM100,000.00 hingga RM250,000.00 dan diselaraskan seperti pengiraan yang dibuat dalam KWSP;
- (ii) dibuat pertimbangan untuk membayar satu jumlah pampasan kepada dependant guru-guru yang sudah meninggal dunia semasa menunggu selama 25 tahun tanpa menikmati hasil caruman mereka;
- (iii) pemberian insentif kepada pelajar-pelajar Sabah yang mencapai kecemerlangan dalam akademik;
- (iv) memberi panduan untuk pelajar-pelajar yang benar-benar tidak mampu; dan
- (v) untuk menambah atau menaikkan taraf beberapa resources pengajaran seperti menyediakan komputer dan lain-lain kemudahan pembelajaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merayu dan mencadangkan kepada kementerian berkenaan supaya menerima secara positif penubuhan tabung amanah pendidikan ini di Sabah. Walaupun penubuhan tabung ini bukanlah penyelesaian kepada permasalahan yang wujud tetapi kita sangat yakin bahawa penubuhan tabung ini sedikit sebanyak mempunyai peranan yang tersendiri ke arah usaha bersama untuk memantapkan pendidikan di Sabah dan dalam negara kita keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Gaya.

5.35 ptg.

Tuan Philip Yong Chew Lip [Gaya]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi keizinan kepada saya menyertai perbincangan memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah), untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta Ordinan untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, guru merupakan pemimpin yang mulia untuk memperkembangkan pendidikan untuk generasi. Tidak ada mana-mana pihak boleh menafikan sumbangan guru terhadap pembangunan negara dan masyarakat sebagai sumbangan kepada bangsa dalam arena pendidikan. Justeru itu, kerajaan menambahkan faedah persaraan kepada guru-guru merupakan satu tindakan yang wajar kerana wang persaraan merupakan satu jaminan selepas bersara. Akan tetapi di

Sabah terdapat segolongan guru yang bersara tidak dapat menikmati kemudahan pencen. Mereka masih terpaksa menjual tiket petua dan menjual bunga di kaki lima untuk menyara hidup seharian.

Mengenai nasib malang guru berkenaan, kita seharusnya mengimbas kembali sejarah politik Sabah. Sebelum pembentukan Malaysia, kuasa mentadbir pendidikan adalah terletak di tangan kerajaan negeri. Kuasa mentadbir ini telah diserahkan kepada Persekutuan selepas pembentukan Malaysia. Akan tetapi, malangnya berdasarkan Laporan Aziz, kebajikan guru-guru sekolah Cina tidak digolongkan untuk diserapkan ke dalam sektor perkhidmatan pendidikan. Oleh itu, menurut Ordinan Persaraan Guru-guru Sabah 1963 setiap guru diberikan ganjaran persaraan tidak melebihi RM120.00 sebagai wang persaraan melalui Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1973 dan tahun 1976 Kerajaan Persekutuan mengamalkan dasar terbuka untuk membenarkan guru-guru Sabah memohon agar diserapkan ke dalam sektor perkhidmatan awam. Akan tetapi, kerajaan Perikatan USNO tidak mengizinkan guru-guru tersebut memohon agar diserapkan ke dalam sektor perkhidmatan awam sehinggalah kerajaan BERJAYA ditubuhkan, guru-guru berkenaan dibenarkan diserap ke dalam sektor perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, masih ramai guru tidak diserapkan ke dalam sektor perkhidmatan awam dan mereka telah pun bersara pada tahun 1980an. Selepas bersara mereka hanya layak menerima wang persaraan sebanyak RM90.00 sebulan.

Sejarah perkembangan politik pada masa tersebut telah membawa malapetaka kepada golongan guru berkenaan. Kini guru-guru berkenaan umurnya telah pun meningkat 70 tahun tetapi mereka terpaksa menjual tiket petua dan menjual bunga di kaki lima untuk menyara hidup mereka walaupun usia telah lanjut. Kita sebagai warga Malaysia sepatutnya bersimpati terhadap golongan guru yang berkenaan yang telah menyumbang seumur hidup dalam arena pendidikan. Dalam sidang Parlimen kali ini suatu akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah) telah dibentangkan dan seterusnya membubarkan Kumpulan Wang Persaraan dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah akta tersebut dan bayaran wang persaraan ditambah sedikit sahaja.

Kita seharusnya insaf dan sedar walaupun wang persaraan ini ditambah selepas pembubaran Kumpulan Wang Persaraan dan Lembaga Pengurusan tersebut, tetapi kenaikan sebanyak 40% ataupun mereka layak menerima wang persaraan sebanyak RM130 adalah merupakan satu angka yang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tabung Kumpulan Wang Persaraan tersebut, setakat ini masih mempunyai baki sebanyak melebihi RM9 juta dan dijangka menaikkan kepada RM11 juta baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kerajaan agar memberi bayaran wang persaraan tidak kurang daripada RM300 ribu sekali gus untuk seorang dan jumlah yang diperuntukkan adalah sebanyak RM3.3 juta sahaja untuk sebelas orang. Pada hakikatnya mereka sememangnya layak untuk menerima jumlah wang persaraan tersebut. Saya juga mencadangkan agar baki wang persaraan tersebut diserahkan semula kepada kerajaan negeri untuk pembangunan menampungkan bilangan guru di negeri Sabah demi mengatasi masalah kekurangan guru yang terlatih dalam arena pendidikan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang, selepas ini Timbalan Menteri akan menjawab.

5.42 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mengambil sedikit bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu dalam hal ini. Kalau kita lihat daripada sejarah bahawa pencarum-pencarum daripada Kumpulan Wang ini adalah guru-guru yang saya rasa ada pada anak Sabah, yang mana mereka ini, telah pun mendapat latihan didikan sebelum Sabah memasuki Malaysia. Jadi, duit ini telah pun dikumpul dan sekian banyak dan sehingga hari ini anggaran wang ini telah pun meningkat kepada lebih kurang RM11 juta dan penerima yang terakhir begitu sedikit kerana yang lain-lain sudah meninggal dunia dan tidak dapat menikmati lagi kecuali waris-waris mereka.

Isu yang pertama iaitu bayaran kepada pesara ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bahawa amaun yang dibayar adalah begitu rendah mengikut keperluan ekonomi pada masa ini. Kalau kita melihat kepada keperluan, kalau tahun 1963 gaji RM120 mungkin RM12,000 sekarang ini. Tetapi kalau kita meneruskan bayaran itu sehingga ke hari ini sedangkan wang yang banyak tentu sekali ini tidak sesuai dengan keadaan sekarang. Oleh itu, apakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula sebelum wang ini dipindah kepada kerajaan, adalah lebih baik wang ini dikira semula mengikut kelayakan dan juga kesesuaian ekonomi supaya satu pampasan ataupun arrears daripada mula-mula mereka menerima sehingga sekarang diselaraskan dan daripada sekarang sehingga yang akan datang sehingga mereka meninggal dunia, kita selaraskan dengan keadaan keperluan sara hidup ekonomi pada masa ini.

Kalau kita lihat selalu RM120 sekarang ini adalah di bawah paras kemiskinan, jauh di bawah paras kemiskinan, langsung tidak boleh menyara keluarga. Jadi kita mohon kepada kementerian supaya memberi pampasan ataupun arrears, dan arrears mengikut keperluan ekonomi, kalau mungkin berapa banyak arrears mungkin RM100 ribu yang belum dibayar dan disambung dengan satu bayaran yang munasabah dengan keperluan ekonomi hari ini supaya wang persaraan ini dapat menampung kehidupan mereka hari ini. Bukan seperti yang dicakapkan oleh rakan-rakan tadi, mereka ini menyara hidup dengan menjual loteri dan berpelesenan di tepi jalan. Itu yang pertama.

Isu yang kedua, oleh kerana wang ini adalah wang daripada Sabah, yang mana sumbangan daripada guru-guru dari Sabah dan masalah hari ini, wang ini nanti akan diberikan kepada kerajaan. Apakah kementerian tidak bercadang supaya sebahagian daripada wang ini digunakan untuk keperluan kebajikan pendidikan anak-anak Sabah. Saya ingin mencadangkan di Kuala Lumpur ini, kebanyakan anak-anak Sabah yang ada di Institut Pengajian Tinggi mempunyai masalah tempat tinggal. Kebanyakan mereka ada juga yang tinggal di asrama tetapi banyak yang tidak dapat tinggal di asrama dan kos untuk menyewa rumah-rumah sewa pada masa ini dengan keadaan ini mungkin sekarang lebih murah tetapi masa yang lalu masalahnya adalah kos yang tinggi dan jauh.

Saya ingin mencadangkan sebahagian daripada wang daripada RM11 juta ini diambil sebagai satu geran untuk membina sebuah asrama khas untuk anak-anak Sabah yang belajar di Institut Pengajian Tinggi di Kuala Lumpur ini supaya mereka dapat kemudahan ini. Mungkin separuh ataupun RM5 juta, RM6 juta daripada peruntukan itu untuk membina satu asrama yang sesuai ditempatkan di tempat-tempat tertentu oleh kerajaan dan untuk menempatkan anak-anak Sabah yang belajar di Institut Pengajian Tinggi. Bukan sahaja untuk anak Sabah, mungkin juga untuk pelajar-pelajar pengajian tinggi ataupun kolej-kolej daripada negeri-negeri lain yang tidak ada tempat tinggal kalau ada kekosongan boleh tumpang tinggal di asrama ataupun di rumah sewa yang dibuat oleh peruntukan ini. Dan sebahagian daripada peruntukan itu bolehlah digunakan ataupun dikembalikan kepada kerajaan kalau bersesuaian.

Jadi, inilah dua isu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerajaan peka dengan hal ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 3 orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tawau, Ahli Yang Berhormat dari Gaya, Ahli Yang Berhormat dari Sipitang yang telah mengambil bahagian dalam debate ini, dan telah mengemukakan cadangan-cadangan yang Kementerian Pendidikan fikir adalah baik dan perlu dikaji.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau dan Ahli Yang Berhormat dari Gaya telah menyebutkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru yang telah bersara dalam ordinan ini sejak 1924. Memang Kementerian Pendidikan sedar dengan masalah yang dihadapi oleh guru-guru ini dan sejak UMNO dan MCA telah mengambil bahagian dalam arena politik di Sabah akibat pengeluaran PBS dari Barisan Nasional, kita pun bukan sahaja peka dan berjuang untuk mengatasi masalah ini dan kami di Kementerian Pendidikan sudah panjang lebar membincangkan masalah ini. Masalah ini adalah akibat daripada ketidakadaan peruntukan di bawah Ordinan 1963 untuk mengkaji semula pencen yang boleh dibayar, tied the hand of the Ordinance, dengan izin. Dengan itu oleh kerana tidak ada kuasa untuk mengkaji semula pencen yang dibayar di bawah ordinan itu, jadi Kementerian Pendidikan tidak ambil apa-apa tindakan untuk menaikkan kadar elaun, sungguhpun kita tahu kadar elaun itu adalah amat rendah. Kita pun tahu keadaan itu, kita bersimpati dengan mereka, kami di Kementerian Pendidikan selalu melalui usaha-usaha yang lain memberi bantuan kepada mereka dan akhirnya selepas berbincang dengan panjang lebar, Kementerian Pendidikan rasa amat baik kita mansuhkan akta ini dan bayarlah ganjaran sekali gus kepada mereka yang telah bersara, kepada mereka yang masih hidup dan yang telah meninggal dunia kepada waris mereka yang terdekat.

Tetapi bayaran sekali gus ini kita haruslah ada satu sistem dan apa Kementerian Pendidikan telah buat ialah untuk mengadakan satu kajian aktuari dan mengikut laporan kajian aktuari, Kementerian Pendidikan telah mendapat persetujuan dari Kabinet supaya selain dari kajian aktuari itu kita juga beri mereka sebagai goodwill untuk hardship yang mereka hadapi kita tambahkan 40% sebagai tindakan goodwill kerajaan kepada mereka. Dengan itulah kita dapati bayaran sekali gus iaitu antara RM60,000 - RM150,000 kepada semua itu dan sebelum kita laksanakan amaan ini kita juga sudah hubungi mereka yang masih hidup dan mereka sudah memberi persetujuan bahawa mereka menerima ganjaran sekali gus ini. Jadi kita haraplah dengan adanya akta ini bukan kita boleh selesai masalah ini tetapi kita rasa hardship yang mereka sudah hadapi, dengan izin, their hardship that they have suffered through the length of their life, dengan izinnya, we understand and we hope, dengan adanya bayaran sekali gus ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Pusat bersimpati, we feel with them and we know that, dengan izin, whatever amount we pay cannot replace their hardship they have suffered tetapi dengan adanya goodwill bayaran ini, kita haraplah mereka faham dan mereka boleh terima with the open heart supaya perkara ini dapat atau this chapter will can be closed, dengan izin.

Selain dari itu juga, Kementerian Pendidikan selalu bertanggungjawab tentang isu-isu pendidikan bukan sahaja di seluruh negara tetapi begitu juga keadaan di Sabah dan Sarawak perlulah kita mengambil perhatian yang lebih penting. Dengan itu Kementerian Pendidikan selalunya dalam peruntukan, kita memberi satu amaan yang besar kepada sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak kerana kita juga faham keadaan di sana adalah lebih teruk, dengan izin, I mean, lebih terkebelakang dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Kita terus laksanakan projek-projek besar seperti Universiti Sabah Malaysia sungguhpun kita hadapi masalah peruntukan. Dengan itu menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan selalu berasa dengan ahli-ahli kita di Sabah dan Sarawak dan juga di negeri-negeri lain, sungguhpun kita menghadapi cabaran ekonomi tetapi kita tidak boleh belakangkan usaha kita untuk mempertingkatkan pendidikan.

Tentang cadangan bahawa kita perlulah gunakan baki amaun ini untuk projek-projek pendidikan di negeri Sabah itu, oleh kerana kita tidak ada peruntukan untuk membayar baki amaun ini kepada apa-apa kumpulan wang selain dari Kumpulan Wang Amanah Pencen. Itulah atas nasihat mereka yang bertanggungjawab bahawa cara ini adalah lebih sesuai untuk kita pegang baki amaun ini, tetapi tentang penggunaan amaun itu yang selepas kita serahkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen itu memang Kementerian Pendidikan boleh kaji dan kita bolehlah salurkan cadangan Kementerian Pendidikan bahawa dari segi utilization, dari segi kegunaan baki itu kita boleh kaji cadangan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat.

Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dan bagi pihak Kerajaan Pusat, Kementerian Pendidikan, kita haraplah dengan adanya akta ini kita boleh dapat selesai masalah yang selama-lama dihadapi oleh guru-guru yang disebut tadi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan kemudahan dan perkhidmatan lain yang berhubungan dengan kesihatan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pada masa kini Akta Hospital Persendirian, 1991, sedia ada hanya mengawal kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan seperti hospital, rumah bersalin dan rumah jagaan kejururawatan swasta. Banyak jenis kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan jagaan kesihatan lain seperti klinik perubatan, klinik pergigian, pusat hemodialisis, bank darah, pusat jagaan ambulatori dan ambulans tidak dikawal di bawah undang-undang tersebut. Akta tersebut juga membenarkan penyediaan standard yang amat terhad yang dituju khusus kepada pengawalan infeksi dalam premis-premis, penjagaan kebersihan dan saiz kemudahan-kemudahan, manakala peruntukan penguatkuasaan yang diberikan lebih merupakan pemberian kuasa untuk pemeriksaan ke atas premis bagi maksud perlesenan sahaja.

Undang-undang kesihatan sedia ada yang lain seperti Akta Perubatan, 1971; Akta Pergigian, 1971 dan Akta Jururawat, 1952; hanya mengawal amalan profesion-profesion kesihatan dari segi penentuan kelayakan seseorang untuk mengamal sesuatu

profesion dan mengawal disiplin dan etika ahli-ahli profesion berkenaan. Akta-akta tersebut tidak memberi peruntukan penguatkuasaan ke atas premis ataupun perkhidmatan ahli-ahli profesion tersebut. Kementerian Kesihatan pula tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang tersebut, untuk memasuki dan memeriksa premis-premis seperti klinik-klinik ataupun premis kesihatan yang tidak berlesen, kecuali melalui indirect inspection, dengan izin, di bawah undang-undang lain, seperti Akta Racun, 1952. Kementerian berpendapat pengawalan klinik dan premis-premis jagaan kesihatan secara ini tidak efektif, amat tidak memuaskan dan telah mengakibatkan pesakit dan orang ramai hilang kepercayaan kepada kebolehan dan keazaman Kementerian Kesihatan untuk membela kepentingan pesakit-pesakit orang ramai.

Walaupun Akta Hospital Persendirian, 1971, membezakan rumah bersalin, (maternity home), dengan izin, dan rumah jagaan kejururawatan, nursing home, dengan izin, daripada hospital mengikut tafsiran premis dan orang yang dibenarkan menjalankan conduct, dengan izin, premis-premis tersebut, akta tersebut tidak membezakan standard yang sejajar dengan kompleksiti perawatan yang diberikan oleh setiap jenis premis-premis tersebut. Undang-undang baru dikehendaki untuk memastikan semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan di sektor swasta dikawal dan standard minimum ditetapkan sejajar dengan program perkhidmatan dan aktiviti jagaan kesihatan yang diberikan oleh premis berkenaan.

Selain daripada itu perkhidmatan yang dapat diberikan di klinik dan hospital telah bertukar mengikut perkembangan pesat dalam bidang perubatan. Pada masa ini banyak prosedur dan cara perawatan yang dahulu dibuat di hospital sahaja boleh dilakukan di pusat jagaan ambulatori (ambulatory care centre), dengan izin, di mana pesakit boleh menjalani pembedahan ataupun prosedur dan discharge dalam jangka masa kurang dari 24 jam sahaja. Manakala hospital swasta dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian, 1971, pusat jagaan ambulatori yang menjalankan aktiviti-aktiviti serupa, tidak dilesenkan atau dikawal di bawah undang-undang tersebut. Memandangkan konsep ambulatory care ini semakin berkembang di negara ini, pengawalan rapi ke atas standard of care, dengan izin, yang diberi premis-premis yang menjalankan prosedur sedemikian amat diperlukan bagi menjaga kepentingan pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggubal Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Tahun 1998 ini, Kementerian telah mengambil kira rungutan pengguna mengenai prestasi perkhidmatan di premis kesihatan swasta, pandangan ahli-ahli profesion dari sektor swasta dan sektor awam, pandangan agensi-agensi kerajaan lain, badan-badan berkanun dan lain-lain pihak berkepentingan, sama ada melalui media massa, mesyuarat, ceramah, dialog dan surat-menyuarat. Pandangan semua pihak telah diberi perhatian sewajarnya dan dinilai dengan teliti.

Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, telah menimbangkan kepentingan semua pihak tanpa menjejaskan integriti profesional profesion kesihatan. Kepentingan orang ramai, hak pesakit, keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan pesakit, orang ramai dan pekerja kesihatan sambil mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan jagaan kesihatan swasta. Selain daripada itu, Rang Undang-undang ini juga akan menghasilkan pengagihan kemudahan kesihatan yang lebih saksama mengakibatkan penggunaan kemudahan kesihatan terhad dengan cara yang lebih efisien dan menyerapkan konsep masyarakat penyayang ke dalam perkhidmatan jagaan kesihatan sektor swasta. Hasrat Kementerian Kesihatan untuk menjadikan Malaysia salah satu destinasi pelancongan perubatan, medical tourism, dengan izin, boleh tercapai dengan adanya peningkatan standard perkhidmatan dan kemudahan, kawalan kualiti dan profesionalisme di premis-premis jagaan kesihatan swasta kelak.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan orang ramai khususnya pesakit diberi keutamaan dalam Rang Undang-undang ini. Di antara lain Rang Undang-undang ini memastikan hanya mereka yang berkelayakan diberikan mengamal di premis

kesihatan swasta. Standard minimum kemudahan dan perkhidmatan akan dipertingkatkan dan dikawal oleh Kementerian. Kawalan ke atas kualiti kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan akan dipertingkatkan di mana setiap premis akan dikehendaki mengadakan program kepastian kualiti yang berkesan. Kepentingan pesakit dan orang ramai akan dipelihara dengan adanya cadangan untuk mengawal fees yang dikenakan oleh premis jagaan kesihatan swasta. Adalah dicadangkan juga, setiap premis jagaan kesihatan swasta mengadakan pernyataan dasar berkaitan dengan tanggungjawab, obligation, dengan izin, mereka kepada pesakit dan pengguna termasuk mempamerkan prosedur pembayaran dan memberi penjelasan mengenai caj rawatan sebelum rawatan dimulakan. Premis-premis jagaan kesihatan swasta juga, akan dikehendaki mengadakan prosedur untuk melayan semua aduan pesakit-pesakit, grievance procedure, dengan izin, kerahsiaan maklumat pesakit juga dijamin di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini juga akan memastikan commercialism, dengan izin, dalam sektor jagaan kesihatan swasta lebih terkawal. Badan korporat, perkongsian, persatuan dan individu yang diberikan lesen di bawah Rang Undang-undang ini serta organisasi jagaan yang diuruskan, manage care organisation, dengan izin, yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan jagaan kesihatan akan dikehendaki mematuhi setiap undang-undang kesihatan selain daripada memastikan polisi dan aktiviti mereka adalah sejajar dan tidak bertentangan dengan mana-mana amalan dan kod etika profesion-profesion kesihatan. Premis-premis jagaan kesihatan seperti hospital, hospis dan pusat jagaan ambulatori akan dikehendaki menubuhkan jawatankuasa penasihat perubatan untuk menasihati pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab ke atas kemudahan ataupun perkhidmatan, person in charge, dengan izin, mengenai isu-isu yang berkaitan dengan amalan dan etika profesion-profesion kesihatan.

Selain daripada itu Rang Undang-undang ini akan menjalankan perhubungan erat di antara hospital swasta dengan komuniti melalui penubuhan lembaga pelawat hospital di setiap hospital swasta. Kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta juga akan dikehendaki memberi sumbangan atau perkhidmatan sosial atau kebajikan kepada masyarakat dan tidak dibenarkan menolak pesakit kecemasan tanpa terlebih dahulu memberi rawatan kecemasan mengikut tahap keupayaan premis berkenaan. Rang Undang-undang yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengawal penubuhan dan perkembangan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan kecuali klinik-klinik perubatan dan klinik-klinik pergigian di sektor swasta agar ianya lebih saksama dan tidak tertumpu di bandar-bandar besar atau di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Seseorang individu atau sesuatu badan korporat yang ingin menubuhkan sesuatu premis jagaan kesihatan swasta seperti hospital, pusat jagaan ambulatori atau rumah bersalin akan dikehendaki mengemukakan cadangan 'prikutan' *what a language is, english is join together* pekerja kesihatan serta program latihan tanpa manusia sebelum lesen dibenarkan, dengan cara ini amalan staff pinching, dengan izin, akan dapat dikurangkan dan jumlah pekerja kesihatan terlatih negara ini dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini kementerian mencadangkan satu akta baru yang dinamakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Tahun 1998 diwujudkan bagi mengawal semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan di sektor swasta negara kita.

Bahagian I dicadangkan untuk memberi tajuk ringkas dan peruntukan kuatkuasa dan untuk memberi tafsiran beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.

Bahagian II, bertujuan untuk mengawal semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang terdapat di sektor swasta melalui sistem pelesenan dan pendaftaran.

Fasal 3, menyenaraikan jenis-jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang akan dilesenkan termasuk hospital, hospital psikiatri, rumah bersalin,

rumah jagaan kejururawatan, rumah jagaan kejururawatan psikiatri, bank darah, pusat hemodialisis dan hospis.

Fasal 4, yang dicadangkan menghendaki semua klinik perubatan dan klinik pergigian didaftarkan. Fasal 4(2) mengecualikan klinik sesuatu premis berlesen misalnya hospital yang berhubung kait dengan premis berlesen tersebut secara organisasi, 'administrative' dan fizikal daripada mendapatkan pendaftaran berasingan akan tetapi klinik-klinik tersebut akan dikehendaki mengikut standard yang ditetapkan.

Bagi memastikan semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti, yang tidak kurang daripada standard minimum yang ditetapkan iaitu kementerian telah mencadangkan penalti yang berpatutan bagi mereka yang melakukan sebarang kesalahan di bawah rang undang-undang tersebut. Misalnya sesiapa yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tanpa lesen atau pendaftaran, Fasal 5 rang Undang-undang memperuntukkan hukuman denda maksimum sebanyak RM300,000 atau penjara tidak kurang dari 6 tahun atau kedua-duanya dijatuhkan ke atas seorang individu jika disabitkan kesalahan tersebut.

Bagi pelesen yang terdiri daripada perkongsian, badan korporat atau persatuan pula, jika disabitkan dengan kesalahan yang sama, hukuman denda maksimum sebanyak RM500,000 boleh dijatuhkan. Rang undang-undang ini juga memperuntukan hukuman denda atau penjara dikenakan ke atas orang bertanggungjawab, ke atas sesuatu badan korporat, setiap sesuatu perkongsian dan 'office bearers', dengan izin, sesuatu persatuan yang telah disabitkan dengan kesalahan itu. Hukuman penalti bagi kesalahan-kesalahan lain adalah berpatutan dengan jenis kesalahan yang disabitkan.

Fasal 6, dicadangkan bagi memberikan individu, perkongsian atau badan korporat untuk mendapatkan sesuatu lesen kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan selain daripada klinik perubatan atau klinik pergigian dengan syarat individu atau salah seorang daripada ahli-ahli perkongsian atau badan korporat tersebut adalah seorang pengamal perubatan berdaftar. Walau bagaimanapun, Fasal 6(2) memberi kebenaran bagi seorang jururawat terlatih berdaftar untuk memegang lesen sesuatu rumah jagaan kejururawatan, manakala Fasal 6(3) memberikan seseorang bidan berdaftar memegang lesen rumah bersalin dengan syarat premis-premis berkenaan mendapatkan seseorang pengamal perubatan pelawat untuk mengawal selia premis-premis tersebut. Fasal 6(4) pula memberi kelonggaran bagi sesuatu persatuan untuk memegang lesen hospis dan pusat hemodialisis dengan syarat terdapat pengamal perubatan dalam keahliannya dan premis-premis tersebut memberikan perkhidmatan secara 'non profit' atau kebajikan.

Kementerian mencadangkan Fasal 7(1) bagi menghendaki klinik perubatan didaftarkan di bawah seseorang pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai perakuan amalan tahunan yang sah sahaja manakala Fasal 7(2) membenarkan klinik pergigian didaftarkan di bawah seorang pengamal pergigian berdaftar atau badan korporat mengikut seksyen 28 Akta Pergigian Tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperuntukan dua peringkat dalam prosedur pelesenan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selain daripada klinik-klinik. Peringkat pertama ialah permohonan untuk mendapatkan kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan sesuatu kemudahan arahan perkhidmatan jagaan kesihatan, dengan izin, 'approval to establish or maintain' dan peringkat kedua ialah permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan tersebut, dengan izin, 'licence to operate or to provide'.

Bahagian III, memperuntukkan prosedur untuk mendapatkan kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selain daripada klinik-klinik. Fasal 8(1) menghendaki sipemohon mengemukakan plan menyeluruh bagi penubuhan atau penyelenggaraan kemudahan

atau perkhidmatan jagaan kesihatan termasuk pernyataan mengenai lokasi premis dan jenis kemudahan dan perkhidmatan yang akan disediakan selain dari maklumat-maklumat lain yang diperlukan untuk dinilai oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Penilaian lokasi bagi sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan di bawah rang undang-undang ini tidak akan bercanggah dengan kuasa-kuasa agensi kerajaan lain seperti majlis tempatan kerana lesen untuk menubuhkan kemudahan tersebut adalah bersyarat dan sipemohon tetap akan dikehendaki mendapatkan kelulusan agensi-agensi lain yang berkenaan sebelum sebarang pembinaan dijalankan.

Kementerian hanya berhasrat untuk memastikan sipemohon tidak menubuhkan sesuatu premis jagaan kesihatan atau membiarkan sesuatu jenis perkhidmatan jagaan kesihatan yang sama di sesuatu kawasan yang telah pun, dengan izin, 'saturated' atau 'over supplied' dengan kemudahan atau perkhidmatan tersebut. Kementerian tidak berhasrat untuk mengenal pasti mana-mana tempat spesifik bagi penubuhan sesuatu premis kesihatan swasta dengan izin 'zoning' mengikut majlis tempatan, tetap perlu dipatuhi oleh sipemohon. Selain daripada itu, perkiraan yang dicadangkan bagi pengambilan serta latihan tenaga manusia akan diberi pertimbangan berat semasa menilai 'merit' sesuatu permohonan.

Fasal 9 menjelaskan, kriteria-kriteria yang wajar diberikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan semasa pertimbangan kesesuaian penubuhan atau penyenggaraan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan di sesuatu lokasi.

Kementerian mencadangkan Fasal 10 bagi memperuntukkan situasi di mana Ketua Pengarah Kesihatan boleh enggan memproseskan sesuatu permohonan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan.

Fasal 12, dicadangkan untuk memberikan kepada Ketua Pengarah Kesihatan meluluskan atau menolak sesuatu permohonan menubuhkan atau menyelenggarakan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan. Penolakan kelulusan boleh dilakukan mengikut alasan-alasan yang dijelaskan di Fasal 11.

Fasal 13(1) menghendaki setiap kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan selain daripada klinik-klinik yang tidak berhubung kait secara fizikal, administrative atau organisasi mendapat kelulusan secara berasing. Fasal 13(2) memperuntukkan setiap kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan itu menjelaskan jenis kemudahan atau perkhidmatan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mencadangkan Bahagian IV bagi memperuntukkan proses mendapatkan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan.

Fasal 14 memberi pemegang sesuatu kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan, tempoh 3 tahun untuk menubuhkan kemudahan atau perkhidmatannya itu. Tempoh masa tersebut boleh dilanjutkan dengan persetujuan Ketua Pengarah Kesihatan.

Fasal 15 memperuntukkan prosedur bagi mohon sesuatu permohonan lesen.

Fasal 16 dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk melantik pegawai-pegawai untuk memeriksa premis yang hendak dilesenkan bagi memastikan sama ada kesemua standard yang ditetapkan telah dipatuhi atau tidak sebelum meluluskan atau menolak sesuatu permohonan itu mengikut peruntukan di bawah Fasal 19.

Ketua Pengarah Kesihatan boleh menolak sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen atau permohonan pembaharuan lesen atau alasan-alasan yang diperuntukkan dalam Fasal 18.

Fasal 20 bertujuan untuk memastikan pemegang lesen menyediakan jenis kemudahan dan perkhidmatan mengikut apa yang dibenarkan di dalam lesennya.

Fasal 21 menghendaki setiap kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan selain daripada klinik-klinik yang tidak berhubung kait secara fizikal, administrative atau organisasi mendapatkan lesen secara berasing.

Fasal 22 memperuntukkan bahawa tempoh laku lesen selama 2 tahun dan pembaharuan boleh dipohon mengikut proses yang ditetapkan.

Fasal 23 menghendaki lesen dipamerkan.

Fasal 24 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk meminda tujuan atau syarat-syarat lesen sekira difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mengandungi prosedur pendaftaran klinik perubatan dan klinik pergigian. Kebanyakan klinik-klinik tersebut memberi perkhidmatan konsultasi dan 'minor' prosedur sahaja. Setiap klinik sedia ada diberi tempoh 6 bulan untuk mendapatkan pendaftaran. Standard minimum juga dikehendaki ke atas kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan di klinik-klinik tersebut. Pendaftaran klinik-klinik di bawah Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada kementerian ini memeriksa premis berkenaan dan seterusnya mengambil tindakan ke atas mana-mana pemegang sijil pendaftaran yang melanggar kehendak undang-undang.

Bahagian VI menjelaskan tugas dan tanggungjawab pemegang lesen dan perakuan pendaftaran. Fasal 31(1)(a) mempertanggungjawabkan pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran untuk mendapatkan seorang yang bertanggungjawab 'person in charge' yang berkelayakan untuk menguruskan, mengawal dan mengawal selia aktiviti-aktiviti jagaan kesihatan berkenaan.

Kelayakan dan tanggungjawab orang yang bertanggungjawab tersebut dijelaskan dalam Fasal 32. Sebarang peruntukan orang yang bertanggungjawab perlu dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan mengikut Fasal 33. Fasal 31(1)(c) menghendaki pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran memastikan kesemua pekerja profesionalnya adalah berdaftar dengan Majlis atau Lembaga Profesion masing-masing dan memberi tugas mengikut kelayakan mereka sahaja.

Fasal 34 bertujuan untuk mengawal orang-orang yang memberi jagaan peribadi (personal care) kepada pesakit dan mereka dikehendaki mempunyai latihan yang ditetapkan oleh kementerian dan dilarang menjalankan amalan kejururawatan.

Fasal 35 menghendaki setiap kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta mengadakan pernyataan dasar masing-masing mengenai tanggungjawab atau 'obligation' mereka terhadap pengguna misalnya mempamerkan cara bayaran, jadual fee dan lain-lain hal.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 36 dicadangkan bagi memperuntukkan setiap premis mengadakan mekanisme melaian aduan daripada pesakit atau pengguna.

Fasal 37 menghendaki setiap premis jagaan kesihatan, berlesen atau berdaftar melaporkan secepat mungkin kepada pihak kementerian apa-apa insiden luar ramalan atau jangkakan yang berlaku di premis 'unforeseeable or unanticipated incidents', dengan izin, misalnya kebakaran, kematian pesakit yang perlu dilaporkan kepada koroner.

Fasal 38 bertujuan untuk memastikan setiap premis kesihatan memberi rawatan kecemasan kepada sesiapa yang memerlukan mengikut tahap keupayaan premis tersebut.

Bahagian VII Rang Undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan am berhubung dengan pelesen dan pendaftaran.

Fasal 39 memperuntukkan penalti tinggi bagi penyalahgunaan kemudahan atau perkhidmatan yang didaftarkan atau dilesenkan.

Fasal 40 melarang mana-mana orang menjalankan sebarang perubahan atau peluasan ke atas premis berlesen tanpa persetujuan Ketua Pengarah Kesihatan.

Fasal 41 mengizinkan lesen dipinda hak milik dan Ketua Pengarah Kesihatan diberi kuasa untuk meringankan sebarang terma atau syarat yang difikirkan perlu semasa pemindahan hak milik diluluskan.

Fasal 42 dikehendaki Ketua Pengarah Kesihatan mewujudkan daftar bagi kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang dilesen atau didaftarkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Bahagian VIII Rang Undang-undang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan menggantung atau membatalkan sesuatu kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan. Menggantung, membatalkan atau enggan membaharui sesuatu lesen dan menggantung atau membatalkan sesuatu pendaftaran dengan memberi notis tunjuk sebab. Alasan-alasan bagi penggantung dan pembatalan sesuatu kelulusan lesen atau sijil pendaftaran dan keengganan membaharui sesuatu lesen diperuntukkan dalam Fasal 44, 45, 46 dan 47. Pihak yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah Kesihatan dibenarkan membuat rayuan kepada Menteri Kesihatan.

Kementerian mencadangkan Bahagian IX untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengan penutupan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan. Fasal 52 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan menutup mana-mana kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan berlesen atau berdaftar yang didapati merbahaya kepada keselamatan orang ramai.

Fasal 53 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan mengenakan syarat bagi penutupan pemindahan hakmilik dan penjualan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan agar ianya dilaksanakan secara teratur dan kepentingan pesakit tetap terpelihara.

Saya ingat tidak boleh habis, Tuan Yang di-Pertua, memakan masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: 2 minit.

Dato' M. Mahalingam: 2 minit, Okay, terima kasih.

Bagi Bahagian X Rang Undang-undang bertujuan untuk mengawal kemudahan dan perkhidmatan bank darah serta perkhidmatan transfusi darah di sektor swasta demi menjaga keselamatan pesakit dan orang ramai. Fasal 54 melarang mana-mana orang menjual atau membeli darah. Penderma darah dikehendaki dilakukan secara percuma, sukarela dan ikhlas.

Fasal 55 dan 56 bertujuan untuk mengawal pengimportan dan pengkorporatan darah bagi perkhidmatan transfusi darah.

Bahagian XI bertujuan untuk mengawal standard perkhidmatan transfusi darah di perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan swasta. Di antara lain, kemudahan-kemudahan seperti hospital dan rumah bersalin dikehendaki mengawal selia bekalan darah premis masing-masing agar sentiasa berada di tahap yang mencukupi bagi penggunaan hariannya dan memastikan penyampaian darah dilakukan dengan cara sempurna dan selamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat kena sambung pada hari Isnin, minggu depan.

Dato' M. Mahalingam: Memakan masa lagi, saya ingat lagi 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.